

2018 LAPORAN TAHUNAN

JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK
DAN KOLEJ KOMUNITI


PENAFIAN

Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti telah sedaya upaya memastikan maklumat yang terkandung di dalam dokumen ini betul. Namun, Jabatan ini tidak menjamin ketepatan dan kesempurnaannya. Jabatan ini juga berhak sepenuhnya membuat perubahan kepada mana-mana maklumat dan huraian dalam dokumen ini pada bila-bila masa. Oleh itu, pengguna dokumen ini hendaklah merujuk kepada jabatan ini sebelum bertindak atau menimbang untuk bertindak berasaskan maklumat dan huraian berkenaan. Jabatan ini tidak akan bertanggungjawab bagi sebarang kekhilafan, kebinasaan dan kerugian yang disebabkan oleh penggunaan maklumat atau huraian yang diperoleh daripada dokumen ini.

DISEDIAKAN OLEH:

**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Aras 4-7, Galeria PjH, Jalan P4W
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 Wilayah Persekutuan Putrajaya
MALAYSIA



ISI KANDUNGAN

SEULAS PINANG KETUA PENGARAH JPPKK | i

MAKLUMAT KORPORAT | ii - v

Visi, Misi, Piagam Pelanggan

Carta Organisasi

Pengurusan Tertinggi

LAPORAN BAHAGIAN

01 Bahagian Koordinasi TVET | 01 - 09

02 Pusat Penyelidikan dan Inovasi | 10 - 16

03 Bahagian Perancangan Program dan Institusi | 17 - 32

04 Bahagian Governan dan Kecemerlangan | 33 - 39

05 Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti | 40 - 51

06 Bahagian Kurikulum | 52 - 62

07 Bahagian Peperiksaan dan Penilaian | 63 - 70

08 Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital | 71 - 78

09 Bahagian Kompetensi dan Peningkatan Kerjaya | 79 - 83

10 Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar | 84 - 93

11 Bahagian Khidmat Pengurusan | 94 - 98

12 Unit Komunikasi dan Hubungan Korporat | 99 - 104

SIDANG REDAKSI | 105

SEULAS PINANG KETUA PENGARAH JPPKK

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat-Nya Laporan Tahunan 2018, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) berjaya diterbitkan. Laporan ini bertujuan melaporkan pelbagai aktiviti dan penglibatan bahagian di JPPKK sepanjang tahun 2018.

JPPKK perlu memastikan TVET menyumbang ke arah pembangunan ekonomi negara dengan menyokong agenda mengarusperdanakan TVET dalam RMK -11. Berpandukan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) dan dasar-dasar utama negara, JPPKK perlu memacu kecemerlangan warga dan menggalakkan pembangunan diri ke arah berkepakaran tinggi dan berilmu bagi mendepani permintaan industri berteknologi global di samping memenuhi aspirasi memacu Malaysia menjadi negara maju berpendapatan tinggi.

Selari dengan Lonjakan 4, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi), TVET 4.0 adalah berteraskan bentuk pengajaran dan pembelajaran baharu; tadbir urus responsif dan mampan; pendekatan penyelidikan gunaan dan inovasi baharu; serta bakat yang didorong teknologi terkini. Ianya berperanan memastikan TVET 4.0 menyediakan generasi pelajar yang membudayakan pembelajaran sepanjang hayat agar sentiasa relevan dengan keperluan semasa.

Sehubungan dengan itu, Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti, 2018 – 2025, telah digubal untuk memastikan menjelang tahun 2025, politeknik dan kolej komuniti disasarkan menjadi institusi TVET berkualiti tinggi dengan melaksanakan pendidikan dan latihan yang berpandukan keperluan pihak industri dan komuniti. Visi ini dicapai melalui penyediaan akses kepada program TVET yang berkualiti dan diiktiraf secara meluas, pemerkasaan komuniti menerusi pembudayaan pembelajaran sepanjang hayat, penghasilan graduan holistik berciri keusahawanan dan seimbang serta perkongsian pintar yang dimanfaatkan sepenuhnya bersama pihak-pihak berkepentingan.

Dengan nilai-nilai teras seperti kreativiti dan inovatif, integriti, tangkas dan profesionalisme yang didukung bersama setiap warga di politeknik dan kolej komuniti, pelan strategik ini menjadi pemacu perubahan supaya politeknik dan kolej komuniti dapat melaksanakan program yang relevan dan responsif, seterusnya berjaya melahirkan lulusan TVET berkebolehpasaran tinggi yang akhirnya muncul sebagai warga sejagat (*global citizens*) yang harmoni dan makmur.

PROF. DATO' TS. DR. MOHD. ISMAIL BIN ABD AZIZ

KETUA PENGARAH JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

MAKLUMAT KORPORAT

VISI

Menjadi peneraju institusi TVET yang unggul

MISI


- 01** Menyediakan akses yang meluas kepada program TVET berkualiti dan diiktiraf;
- 02** Memperkasa komuniti melalui pembelajaran sepanjang hayat (PSH);
- 03** Melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang; dan
- 04** Memanfaatkan sepenuhnya perkongsian pintar dengan pihak berkepentingan.

PIAGAM PELANGGAN

JPPKK beriltizam untuk memberi perkhidmatan yang berkualiti, beretika, profesional, cekap dan mesra dengan memastikan institusi di bawah kuasanya :

1. menyediakan program pengajian yang mendapat akreditasi daripada MQA atau badan-badan profesional yang berkaitan;
2. memproses pengambilan pelajar ke politeknik dan kolej komuniti mengikut syarat dan kriteria yang ditetapkan serta memaklumkan keputusan kemasukan dalam **DUA PULUH (20)** hari bekerja selepas tarikh tutup permohonan;
3. melaksanakan bayaran bantuan kewangan dalam tempoh **TIGA PULUH (30)** hari bekerja selepas keputusan diumumkan kepada pelajar yang layak; dan
4. memaklumkan keputusan peperiksaan dalam tempoh **EMPAT BELAS (14)** hari bekerja selepas semester pengajian berakhir.

CARTA ORGANISASI



PENGURUSAN TERTINGGI





**PENGARAH BHGN.
KOORDINASI TVET**

YBrs. Dr. Shamsuri
bin Abdullah



**PENGARAH PUSAT
PENYELIDIKAN & INOVASI**

YBrs. Dr. Ishak bin
Mohamad



**PENGARAH BHGN.
PERANCANGAN PROGRAM &
INSTITUSI**

Tuan Haji Muhamad
Rumzi bin Mamat



**PENGARAH BHGN.
GOVERNAN &
KECEMERLANGAN**

Tuan Haji Mohd Nasir
bin Abd Ghani



**PENGARAH BHGN.
KOLABORASI INDUSTRI &
KOMUNITI**

Ts. Zainah binti Rujihan



**PENGARAH BHGN.
KURIKULUM**

Puan Noor Aidi binti
Nadzri



**PENGARAH BHGN.
PEPERIKSAAN &
PENILAIAN**

Tuan Haji Rosli bin Idris



**PENGARAH BHGN.
INSTRUKSIONAL &
PEMBELAJARAN DIGITAL**

En. Noor Azizan bin Itam



**PENGARAH BHGN.
KOMPETENSI DAN
PENINGKATAN KERJAYA**

En. Mohamad Isa bin
Azhari



**PENGARAH BHGN.
AMBILAN & PEMBANGUNAN
PELAJAR**

Tuan Haji Wan Mohamad
Nasir bin Wan Abdul
Rahman



**PENGARAH BHGN.
KHIDMAT PENGURUSAN**

Puan Nooraidah binti
Abdullah




**KETUA UNIT KOMUNIKASI
& HUBUNGAN KORPORAT**

Puan Yahurin binti Mohd
Yassin

01

BAHAGIAN KOORDINASI TVET



PENGENALAN

Bahagian Koordinasi TVET (BKTVET) berperanan merancang dan mengurus pelaksanaan dasar-dasar negara dan kementerian berkaitan sistem pendidikan dan latihan institusi serta meneliti dan menterjemah hal-hal perundangan pendidikan, akta pendidikan dan peraturan jabatan dan institusi di bawahnya, menganalisis isu dan masalah berkaitan pelaksanaan dasar pendidikan dan latihan, menyediakan kertas dasar, mengurus dan menyelaraskan maklum balas daripada pihak luar seperti Parlimen, Jemaah Menteri, Dewan Undangan Negeri dan badan-badan lain serta merangka kandungan dokumen kerjasama, persefahaman dan perjanjian dengan institusi/pihak luar.

Bahagian Koordinasi TVET (BKTVET), Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti terdiri daripada empat (4) unit iaitu Unit Dasar, Unit Strategik, Unit Pengantarabangsaan serta Unit Data dan Diseminasi. BKTVET juga berperanan merangka dan menentukan hala tuju dan strategi pendidikan dan latihan di peringkat jabatan dan institusi di bawahnya melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM(PT)), Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti 2018-2025 (PSPKK) dan Rangka Kerja TVET 4.0. Selain itu, Bahagian Koordinasi TVET juga perlu merancang dan mengurus data, data analitik dan diseminasi data. Akhir sekali Bahagian Koordinasi TVET berperanan merancang dan mengurus kolaborasi global bagi pelaksanaan pengambilan pelajar antarabangsa, penyediaan kertas dasar berkaitan pengantarabangsaan maklum balas dengan pihak luar negara di peringkat menyelaraskan maklum balas dengan pihak luar seperti CPSC, UNESCO-UNEVOC, SEAMEO dan lain-lain serta merangka dokumen kerjasama, persefahaman dan perjanjian di peringkat global.

PROGRAM DAN AKTIVITI UTAMA



JAWATANKUASA PEMERKASAAN TVET: SESI TOWN HALL & DIALOG


Cabaran Revolusi Industri 4.0 menyebabkan keperluan untuk melakukan transformasi bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) begitu mendesak. Sehubungan itu, pada 21 Jun 2018, Yang Berhormat (YB) Dr. Maszlee bin Malik, Menteri Pendidikan telah mengumumkan penubuhan Jawatankuasa Pemerikasaan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia yang dipengerusikan oleh Ahli Parlimen Permatang Pauh, YB Nurul Izzah Anwar dan diketuai oleh Yang Berbahagia Prof. Dato' Ts. Dr. Mohd Ismail bin Abd Aziz, Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK). Jawatankuasa ini ditubuhkan bagi membincang dan menyelesaikan isu dan cabaran dalam pelaksanaan TVET.

Dengan itu, Sesi Town Hall serta Dialog Pemerikasaan TVET dilaksanakan di seluruh negara antaranya adalah sesi Town Hall dan Dialog Pemerikasaan TVET Zon Sabah pada 6 September 2018 di Politeknik Kota Kinabalu, sesi Town Hall Zon Sarawak yang diadakan di Institut Kemahiran MARA Kuching, Sarawak pada 15 Oktober 2018

serta Sesi Town Hall Zon Selatan yang diadakan di negeri Johor pada 28 Oktober 2018 di Kolej Vokasional (ERT) Azizah, Johor Bahru.

Sesi Town Hall dan Dialog Pemerikasaan TVET bertujuan untuk mendapatkan input serta maklum balas berkaitan isu, cadangan dan penambahbaikan TVET di Malaysia. Semoga segala usaha murni ini akan berjaya mencapai matlamatnya.





PELANCARAN DAN JERAYAWARA PELAN STRATEGIK POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

Majlis Pelancaran Pelan Strategik Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti 2018-2025 dirasmikan oleh Ketua Pengarah JPPKK, YBhg. Prof. Dato' Ts. Dr. Mohd Ismail Abd Aziz pada 12 Januari 2018 di Politeknik Nilai sempena Majlis Amanat Tahun Baharu 2018 Politeknik dan Kolej Komuniti. Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti 2018 – 2025 ini telah digubal supaya memenuhi visi Politeknik dan Kolej Komuniti untuk menjadi peneraju institusi TVET yang unggul menjelang tahun 2025.

Serentak dengan Pelancaran Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti 2018 – 2025 Program Jerayawara Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti (PSPKK 2018-2025) dilaksanakan di 27 lokasi bertujuan untuk menyebarkan maklumat berkaitan PSPKK 2018-2025 kepada semua warga politeknik dan kolej komuniti. Penyampaian maklumat berkaitan PSPKK 2018-2025 dilaksanakan oleh pegawai-pegawai tertinggi dan pegawai-pegawai kanan JPPKK bermula dari Mac 2018 sehingga November 2018.



Majlis Amanat Tahun Baharu 2018 Politeknik dan Kolej Komuniti dirasmikan oleh Ketua Pengarah JPPKK, YBhg. Prof. Dato' Ts. Dr. Mohd Ismail Abd Aziz pada 12 Januari 2018 di Politeknik Nilai..



Program Jerayawara PSPKK 2018-2025 di Politeknik METrO Betong, Sarawak disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan) YBrs. Ts. Dr. Mohammad Naim bin Yaakub



Program Jerayawara PSPKK 2018-2025 di PSP pada 6 Ogos 2018 disempurnakan oleh Pengarah BKTVE YBrs. Dr. Shamsuri bin Abdullah





BUKU PELAN STRATEGIK POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI 2018 -2025



Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti (2018-2025) telah dihasilkan sebagai panduan kepada warga JPPKK, Politeknik dan Kolej Komuniti untuk melaksanakan tindakan yang terancang bagi menyokong peningkatan kualiti pendidikan negara selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi). Pelan ini merupakan kesinambungan Pelan Transformasi Politeknik Fasa 2 dan Pelan Pemerkasaan Kolej Komuniti.

Penggabungan semula kedua-dua jabatan yang mentadbir urus politeknik dan kolej komuniti telah mencetus matlamat hala tuju baharu yang akan mengemudi politeknik dan kolej komuniti secara terancang melalui inisiatif dan tindakan yang bertunjangan enam teras strategik. Empat nilai teras iaitu kreatif, inovatif, integriti, tangkas dan profesionalisme dijadikan sandaran bagi mengikat warga untuk menggalas tanggungjawab membawa

politeknik dan kolej komuniti menjadi institusi TVET yang unggul.

Pelan Strategik ini telah dibangunkan oleh BKTNET dengan kerjasama Pengarah-pengarah bahagian di JPPKK, beberapa pengarah Politeknik / Kolej Komuniti menerusi beberapa siri perbengkelan yang dipandu oleh barisan fasilitator UTM iaitu; Profesor Dr. Awaluddin bin Mohd Shahraroun, Profesor Emiritus Datuk Ir. Dr. Zainal bin Mohamed, Profesor Dr. Arshad bin Ahmad dan Dr. Halim Shah bin Hamzah.



BUKU RANGKA KERJA TVET 4.0 (2018 -2025)



Rangka Kerja TVET 4.0 telah dibangunkan selari dengan Rangka Kerja Dasar Industri 4.0 Nasional – INDUSTRY 4WRD dalam memastikan pendidikan TVET memenuhi keperluan Revolusi Industri Keempat (4IR). Rangka Kerja ini adalah dokumen panduan dan rujukan kepada institusi TVET KPM;

MTUN, Politeknik, Kolej Komuniti, dan Kolej Vokasional bagi memacu bakat masa depan TVET berkemahiran tinggi, kreatif dan mempunyai pemikiran kritis.

Rangka Kerja 4.0 menggariskan 6 teras meliputi graduan TVET berkualiti, governan yang responsif dan mampan, bakat didorong teknologi, transformasi sistem pendidikan TVET, kolaborasi industri dan komuniti, serta pembudayaan penyelidikan gunaan dan inovasi.

Antara inisiatif yang dirancang termasuklah menambah baik program pengajian ke arah 4IR, meningkatkan mekanisma penyampaian dengan membawa masuk industri ke kampus (*industry education centre*), pembelajaran abad ke-21, program *Work-based learning (WBL)*, kursus-kursus Pendidikan Sepanjang Hayat(PSH) ke arah pewujudan komuniti pintar serta pembangunan set kemahiran bakat yang berupaya memaksimumkan potensi sumber manusia.



PROGRAM KEMBARA BAHASA

Program Kembara Bahasa 2018 merupakan salah satu program yang dilaksanakan sempena Sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan Tahun 2018. Program ini bertemakan 'Terokai Bahasa Kita' diadakan di Taman Botani Putrajaya pada 5 September 2018. Perasmian program telah disempurnakan oleh Pn. Saidatul Aisyah binti

Hambali, Ketua Penolong Setiausaha mewakili Setiausaha Bahagian, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan dan Penyelarasan Dasar, KPM.

Matlamat dan objektif utama ialah bagi memupuk minat peserta program terhadap penggunaan Bahasa Kebangsaan yang betul, menghidupkan kembali penghayatan terhadap Kesusasteraan Melayu dan meningkatkan kerjasama kerja berpasukan bagi menyelesaikan tugas berkaitan Bahasa Kebangsaan.

Peserta program terdiri daripada 50 orang pegawai dan staf sokongan Kementerian Pendidikan Malaysia. Mereka dibahagikan kepada 10 kumpulan di mana satu kumpulan terdiri daripada 5 orang peserta. Program ini berkonsepkan carian dan penerokaan yang melibatkan penggunaan Bahasa Kebangsaan yang betul dan tepat.

Pemenang utama program Kembara Bahasa adalah terdiri daripada;

Tempat pertama: Bahagian Kewangan, KPM

Tempat kedua: Bahagian Pengurusan

Maklumat, KPM

Tempat ketiga: Kolej Komuniti Kuala Langat

Semua pemenang dan peserta Kembara Bahasa telah berjaya menyempurnakan tugas dan cabaran yang diberi. Program ini telah memberi mereka motivasi untuk menggunakan Bahasa Kebangsaan yang betul dan tepat dalam menjalankan tugas rasmi dan tidak rasmi.




Sesi taklimat kepada Peserta Program



Peserta bekerjasama berpasukan dalam menyelesaikan tugas yang diberi



Pemenang Program Kembara Bahasa dianugerahkan hadiah di Majlis Penutupan Bulan Bahasa Kebangsaan 2018



BUKU INFORMASI POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

Penerbitan Buku Informasi Politeknik 2018 dan Buku Informasi Kolej Komuniti 2018 adalah bertujuan menyediakan maklumat dan data mengenai pendidikan dan latihan di politeknik dan kolej komuniti meliputi jabatan, institusi, pelajar, program, staf, industri, penyelidikan dan inovasi. JPPKK dan kementerian menjadikan buku ini sebagai sumber rujukan dan maklumat untuk disebar luas kepada pihak-pihak berkepentingan.





JAWATANKUASA KAJIAN DASAR PENDIDIKAN NEGARA (JKDPN)

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 6 Jun 2018 telah memutuskan supaya Jawatankuasa Kajian Dasar Pendidikan Negara (JKDPN) ditubuhkan untuk mengkaji semula dasar pendidikan negara dari peringkat prasekolah sehingga universiti. JKDPN dipengerusikan oleh Profesor Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Ahmad Bajunid, pakar perunding dalam membuat dasar kerajaan, sektor swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) terutama dalam bidang pendidikan. Beliau ialah penerima anugerah Tokoh Kepimpinan Pendidikan Nasional dan Tokoh Pendidikan Sektor Swasta serta Presiden Malaysian Association for Education (MAE) dan Majlis Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan. Di samping itu, beliau ialah mantan Pengarah Institut Aminuddin Baki (IAB), Timbalan Naib Canselor INTI-Laureate International Universities, dan Pengarah UNESCO Regional Centre for Educational Planning, United Arab Emirates serta pernah menjadi Penasihat Kebangsaan Kementerian Pendidikan dan Perunding Asia-Eropah Pembelajaran Sepanjang Hayat di Malaysia. Beliau juga Ahli Lembaga Pengarah Institut Integriti Malaysia dan beberapa buah universiti dan Ahli Majlis Kepimpinan Razak School of Government.

Salah seorang daripada 13 ahli JKDPN iaitu Dr. Dzaharudin Mansor, National Chief Technology Officer of Microsoft Malaysia, telah diamanahkan untuk mengetuai biro yang memberi fokus kepada TVET. Beliau juga merupakan Profesor Adjung di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan pernah berkhidmat di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), dan di La Trobe University, Melbourne, Australia. Selain daripada itu, beliau pernah bekerja sebagai jurutera di dalam dan luar negara termasuk di Telecom Australia dan Hewlett-Packard Singapore. Dengan pengalaman yang luas, beliau sentiasa mendapat jemputan sebagai perunding dan penceramah dalam bidang teknologi pengkomputeran dan industri perkhidmatan terutama berkaitan Revolusi Industri 4.0.

JKDPN telah melaksanakan libat urus yang meluas dengan pelbagai lapisan masyarakat dan pihak berkepentingan melalui sesi mesyuarat, sindikasi, seminar dan perbincangan serta mendapatkan maklum balas secara bersemuka dan atas talian. Pandangan dan cadangan termasuk yang berkaitan TVET akan digunakan sebagai data dalam mengkaji dan mengemukakan cadangan untuk mentransformasi sistem pendidikan negara secara keseluruhan. Wakil JPPKK yang telah dilantik oleh Ketua Setiausaha KPM sebagai ahli Pasukan Petugas Khas untuk JKDPN adalah Dr. Wan Nor Aishah Wan Omar daripada Bahagian Koordinasi TVET.




BAHAGIAN KOORDINASI TVET

PENUTUP

Tahun 2018 merupakan tahun yang mencabar dan diwarnai dengan pelbagai tugas dasar yang menuntut kecekapan semua namun Bahagian Koordinasi TVET yang mempunyai fungsi yang kompleks, telah berjaya melaksanakan peranannya yang pelbagai melalui perancangan aktiviti yang tersusun dan sistematik sehinggakan semua perancangannya dapat dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan.

02

PUSAT
**PENYELIDIKAN
& INOVASI**



PENGENALAN

Pusat Penyelidikan dan Inovasi (PPI) berperanan sebagai 'agensi pusat' berkaitan pembangunan penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan bagi sistem pendidikan politeknik dan kolej komuniti. Selain daripada itu, PPI juga berperanan sebagai pemudah cara dalam membudayakan serta memperkasakan penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan dalam kalangan warga politeknik dan kolej komuniti.

FUNGSI JABATAN

- 1 Merancang, mengurus dan memantau penyelidikan dan penerbitan ilmiah di politeknik dan kolej komuniti.
- 2 Merancang, mengurus dan memantau pembangunan inovasi dan pengkomersialan.
- 3 Memberi khidmat nasihat dan kepakaran berkaitan penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan.
- 4 Merancang, perolehan dan pengurusan harta intelek dan pengkomersialan hasil inovasi/produk.
- 5 Merancang, menyelaras dan memantau dana penyelidikan Kementerian Malaysia (KPM).

PROGRAM DAN AKTIVITI UTAMA



SEMINAR KEBANGSAAN PUBLIC-PRIVATE RESEARCH NETWORK

Seminar Kebangsaan Public-Private Research Network (PPRN) diadakan bertujuan untuk mendedahkan kumpulan penyelidik PPRN dalam membentangkan hasil kertas penyelidikan bersandarkan projek PPRN. Selain daripada itu, seminar ini turut mempromosi PPRN dan sebagai medium menjalinkan hubungan baik dengan pihak Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

Politeknik Nilai | 17-18 Julai 2018

Sebanyak **72 kertas penyelidikan** dibentang dan produk dipamerkan pada seminar yang julung kali dilaksanakan bertemakan “Melestarikan Penyelidikan dan Inovasi”.



MAJLIS PENYERAHAN DAN TAKLIMAT DANA PENYELIDIKAN TVET (T-ARGS) 2018

Warga akademik politeknik dan kolej komuniti telah membuktikan kesungguhan, strategi dan kualiti dalam menyediakan proposal *TVET Applied Research Grant Scheme* (T-ARGS). Sebanyak 20 projek berjaya mendapatkan Geran T-ARGS fasa 1 yang melibatkan 95 penyelidik politeknik dan kolej komuniti dan IPTA. Jumlah keseluruhan geran yang diperolehi adalah sebanyak **RM1,890 550.00**.



YBhg. Prof. Dato' Ts. Dr. Mohd Ismail Bin Abd Aziz,
Ketua Pengarah JPPKK bersama penerima Geran
TVET Applied Research Grant Scheme (T-Args)



Kluster dan bilangan geran yang diterima



Bilangan Institusi yang berjaya mendapat geran



KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF KIK 2018 HORIZON BAHARU PERINGKAT KEBANGSAAN

Pusat Penyelidikan dan Inovasi (PPI), Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dengan kerjasama Politeknik Kuala Terengganu (PKT) menganjurkan Konvensyen Kumpulan Inovatif Dan Kreatif KIK Horizon Baharu Politeknik dan Kolej Komuniti Tahun 2018 dengan bertemakan *“Revolutionary Technology and Digitalisation move Innovation”*. Konvensyen KIK 2018 Horizon Baharu membuka penyertaan kepada politeknik dan kolej komuniti seluruh Malaysia. Konvensyen ini disertai oleh 34 buah politeknik dan 8 buah kolej komuniti seluruh Malaysia. Panel profesional yang dilantik mempunyai tauliah Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit (MAMPU) manakala panel pameran terdiri daripada pakar Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) dan Politeknik Pagoh (PTSN).

Majlis perasmian penutup disempurnakan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan) Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, YBrs. Ts. Dr. Mohammad Naim bin Yaakub yang turut sama menyaksikan majlis menandatangani Sijil Kolaborasi (COC) di antara Politeknik Kuala Terengganu (PKT) dan Politeknik Negeri Padang, Indonesia (PNP). PKT diwakili oleh Pengarah, Puan Radiah binti Che Su manakala PNP diwakili oleh pengarahnya, Bapak Surfa Yondri.

Konvensyen KIK Horizon Baharu Tahun 2018 membuka penyertaan kepada peserta daripada politeknik dan kolej komuniti seluruh Malaysia. Konvensyen ini disertai oleh 34 buah politeknik dan 8 buah kolej komuniti seluruh Malaysia.



Bidang dalam Konvensyen Kumpulan inovatif dan kreatif (KIK)



Upacara menandatangani Sijil Kolaborasi (COC) diantara Politeknik Kuala Terengganu (PKT) dan Politeknik Negeri Padang (PNP)

Juara keseluruhan bagi KIK 2018 telah dimenangi oleh kumpulan UNIQ dari Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah. Berikut merupakan senarai pemenang bagi KIK 2018 mengikut kategori:



8th NATIONAL CONFERENCE IN EDUCATION TECHNICAL & VOCATIONAL EDUCATIONAL AND TRAINING 2018 (Cie-TVET)JPPKK 2018

Politeknik Merlimau | 4-5 September

8th National Conference In Education Technical & Vocational Educational and Training 2018 (Cie-TVET) dianjurkan hasil kerjasama Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti bersama Politeknik Merlimau bertemakan *Industrial Revolution 4.0 Through TVET*. Persidangan ini merupakan acara tahunan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) bagi menyediakan wadah perkongsian ilmu dalam bidang TVET selain meningkatkan budaya penyelidikan dan inovasi warga politeknik dan kolej komuniti.

Terdapat 170 kertas penyelidikan yang diterima dalam pelbagai bidang seperti kejuruteraan, teknologi, pengurusan, sains sosial dan hospitaliti. Cie-TVET 2018 ini telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan), YBrs. Ts. Dr. Mohammad Naim bin Yaakub.



Ucapan Perasmian penutup oleh Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan) Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, YBrs. Ts. Dr. Mohammad Naim bin Yaakub



Gimik perasmian penutup 8th National Conference In Education Technical & Vocational Educational And Training 2018

Selain daripada itu, Pusat penyelidikan dan inovasi (PPI) juga menyelaras 15 seminar di peringkat kebangsaan dan 7 peringkat antarabangsa secara kolaborasi. Berikut adalah senarai seminar 2018:

BIL	NAMA SEMINAR	JUMLAH KERTAS
1	Technology and Innovation International Conference 2018 (TECHON)	70
2	International Conference on Research in TVET Studies 2018 (ICOR-TVET 2018)	72
3	2nd International Conference of Applied Sciences on Engineering, Business, Linguistic and Information Technology (ICO-ASCNITECH2018)	30
4	The 2nd Regional Conference on Mechanical and Marine Engineering (REMME'2018)	35
5	3rd Regional Students Product Exhibition (ReSPEX 2018)	50
6	2nd International Congress on Innovations in Civil Engineering (ICICE 2018)	50
7	Kertas Kerja Seminar Liga Ilmu Serantau 2018	82
JUMLAH		389

BIL	NAMA SEMINAR	JUMLAH KERTAS
1	National Invention & Innovation, Conference & Robot-Sumo 2018	55
2	National e-Learning Conference (NeLCon 2018)	80
3	National Conference on Wood Based Technology, Engineering and Innovation 2018 (NCWEI'18)	53
4	National Conference on Mechanical Engineering 2018 (NCME18)	50
5	Kenyalang National Geomatic Colloquium 2018 (KNGC 2018)	50
6	Festival Agro Makanan dan Bioteknologi 2018	50
7	National Education, Research, Innovation and Entrepreneurship Conference 2018 (NERIEC'18)	50
8	Seminar PPRN 2018	20
9	KIK	42
10	CiE-TVET	117
11	5th National Conference on Research and Education (NaREC'18)	60
12	4th National Conference on Research and Innovation 2018 NACRI	50
13	Innovation & Competition 2018 (3rd INNOCOM 2018)	50
14	National Conference on Sustainable Cities (NaCoSC 18)	50
15	National Research and Innovation Conference 2018 (NRICon2018)	50
JUMLAH		827



PERTANDINGAN INOVASI PENSYARAH TVET PERINGKAT KEBANGSAAN (PERISA) 2018

Kolej Komuniti Segamat 2 |
17 - 18 Oktober 2018

Pertandingan Inovasi Pensyarah TVET Peringkat Kebangsaan (PERISA) 2018 merupakan salah satu program yang menyediakan platform khusus untuk mempertandingkan hasil inovasi dalam kategori Pengajaran dan Pembelajaran, Teknikal dan Kejuruteraan, Sains Sosial serta Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Pertandingan ini bertujuan memupuk dan membudayakan inovasi di kalangan pensyarah TVET.

Juri profesional pertandingan terdiri daripada pakar luar seperti pensyarah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UteM), Universiti Teknologi MARA Kampus, Universiti Kuala Lumpur Malaysia (UniKL) dan Kolej Poly-Tech MARA (KPTM), agensi kerajaan seperti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR), Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPG) dan Sekolah Menengah Kebangsaan Palong Timur serta wakil industri dari MIMOS Berhad, Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) dan Beyond Success Innovation Sdn Bhd. Juara Keseluruhan bagi pertandingan PERISA 2018 ialah Kolej Komuniti Sungai Petani dan Kolej Komuniti Jempol dengan Inovasi Sistem Pengesanan Pergerakan Kakitangan Bersepadu (ePADU). Berikut merupakan pemenang bagi PERISA 2018 mengikut kategori :

KATEGORI | TEKNOLOGI / KEJURUTERAAN

1. **WT SWIPs**
POLITEKNIK SULTAN AZLAN DANAL ABIDIN
2. **ENVIRO CBS**
POLITEKNIK MELAKA
3. **CORN SILK REMOVAL MACHINE 2.0**
KOLEJ KOMUNITI REMBAI

KATEGORI | SAINS SOSIAL

1. **PENGHASILAN INSTANT PASTE MADAM LEMAH TEMPOYAK**
KOLEJ KOMUNITI CENDEROSH
2. **MyK**
KOLEJ KOMUNITI HULU SELANGOR
3. **JAMU CENIK**
KOLEJ KOMUNITI TAMPIN

KATEGORI | PDP

1. **COURSEWARE Water Supply and Wastewater Engineering e-Learning (WWEL)**
POLITEKNIK MELAKA
2. **VR@R@CE**
KOLEJ KOMUNITI SRAK BERMAH
3. **LET'S PLAY: SECURITY BASICS AND IT PROFESSIONAL**
POLITEKNIK MERING

KATEGORI | TEKNOLOGI MAKLUMAT

1. **SISTEM PENGESANAN PERGERAKAN KAKITANGAN BERSEPADU (ePADU)**
KOLEJ KOMUNITI SUNGAI PETANI & KOLEJ KOMUNITI JEMPOL
2. **Find your Lecturer (FyL)**
KOLEJ KOMUNITI SEGAMAT
3. **LASER**
KOLEJ KOMUNITI KUALA LANGAT



ANUGERAH HARTA INTELEK NEGARA 2018 (AHIN 2018)

Anugerah Harta Intelek Negara 2018 (AHIN 2018) merupakan satu pengiktirafan yang diberikan kepada para pereka cipta atas sumbangan penghasilan harta intelek dalam pembangunan sosio-ekonomi negara. Program ini merupakan program tahunan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Koperasi (KPDNKK) yang dianjurkan oleh Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO). Politeknik dan kolej komuniti Malaysia turut sama menyertai AHIN 2018 dan memenangi anugerah tempat ke 2 dan ke 3 dalam kategori pereka cipta harta intelek selain daripada menjadi finalis kebangsaan (ke 8 terbaik) dalam kategori. Hakcipta, kategori reka bentuk perindustrian dan kategori organisasi (Pengurusan Harta Intelek Terbaik).

ANUGERAH HARTA INTELEK NEGARA 2018

KATEGORI PEREKACIPTA HARTA INTELEK



FINALIS KEBANGSAAN (8 TERBAIK)





PENERBITAN e-JURNAL JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI SESI NOVEMBER 2018

Pembangunan e-Jurnal JPPKK adalah bagi menerbitkan e-Jurnal Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti(JPPKK) yang berwasit menjelang tahun 2025 dengan menghasilkan *open access* e-Jurnal dalam bidang seperti berikut;

SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN

(<http://myjms.mohe.gov.my/index.php/PMJSSH>)

KEJURUTERAAN DAN TEKNOLOGI

(<http://myjms.mohe.gov.my/index.php/PMJET>)

PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT

(<http://myjms.mohe.gov.my/index.php/PKKJLLL>)


Pembangunan e-Jurnal adalah melalui hubungan kerjasama Pusat Penyelidikan dan Inovasi Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti dengan Pusat Sitasi Malaysia(Malaysian Citation Centre) yang memberikan khidmat nasihat dan juga kebenaran penggunaan pangkalan data artikel akademik MALAYSIA JOURNAL MANAGEMENT SYSTEM (MyJMS). Penerbitan e-jurnal ini dilaksanakan pada bulan November setiap tahun.

JUMLAH TERBITAN EJURNAL JPPKK UNTUK TAHUN 2018			
TAHUN 2018	POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI JOURNAL OF ENGINEERING AND TECHNOLOGY	POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI JOURNAL OF SOCIAL SCIENCE AND HUMANITIES	POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI JOURNAL OF LIFE LONG LEARNING
	JUMLAH	JUMLAH	JUMLAH
	12	12	11

PENUTUP

Pusat Penyelidikan dan Inovasi sentiasa berusaha untuk menambah baik dan meningkatkan tahap penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan politeknik dan kolej komuniti. Salah satu usaha melalui dana penyelidikan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dengan memberi peluang kepada semua penjawat skim DH mengembangkan bakat selain memberi pendedahan tentang penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan.

**BAHAGIAN
PERANCANGAN
PROGRAM &
INSTITUSI**



PENGENALAN

Bahagian Perancangan Program dan Institusi (BPPI), JPPKK terdiri daripada 3 unit iaitu Unit Perancangan Program (UPP), Unit Infrastruktur & Fasiliti (UIF) dan Unit Pembangunan Infostruktur (UPI).

UPP berfungsi merancang, mengurus dan memantau program pengajian di institusi, merancang unjuran kapasiti pelajar di institusi serta merancang pelaksanaan dan penilaian Centre of Technology (COT). Unit ini juga berperanan merancang dan mengurus permohonan projek/program pembangunan fizikal dan bukan fizikal melalui peruntukan rancangan Malaysia (RMK) atau lain-lain sumber peruntukan pembangunan.

UIF pula berperanan merancang dan mengurus keperluan permohonan projek/program, kemudahan fizikal/program pendidikan dan latihan institusi serta mengurus pelaksanaan projek/program pembangunan fizikal yang diluluskan. UIF turut berperanan memantau prestasi fizikal projek dan kewangan bagi peruntukan pembangunan P64 yang dilaksanakan bahagian/institusi di bawah JPPKK serta memberi khidmat nasihat teknikal untuk permohonan perbelanjaan mengurus tahunan bagi kerja-kerja pembaikan, penyelenggaraan serta naik taraf institusi.

Akhir sekali UPI berperanan merancang, membangun dan memantau pelaksanaan Pelan Strategik ICT Jabatan dan Institusi, merancang dan mengurus perolehan serta memantau pembangunan dan penyelenggaraan infrastruktur dan infostruktur ICT di institusi.

Ia turut berperanan mengurus data yang dimuat naik berkaitan pelajar, staf, penyelidikan, institusi dan lain-lain di jabatan dan institusi serta berperanan merancang, membangun dan mengurus *Data Centre (DC)* dan *Data Recovery Centre (DRC)* bagi jabatan.

PROGRAM DAN AKTIVITI UTAMA



PENGIKTIRAFAN CENTRES OF TECHNOLOGY (COT)

Bagi tahun 2018, sebanyak 5 Centres of Technology (COT) telah dinilai oleh Panel Auditor yang dilantik daripada Universiti Awam dan pihak industri. Kelima-lima COT telah berjaya mencapai markah cemerlang hasil audit yang dijalankan sekali gus mengiktiraf prestasi bagi melestarikan kecemerlangan penubuhannya. Audit yang dijalankan adalah termasuk mendapatkan pengiktirafan semula bagi 4 COT sedia ada iaitu :

	POLITEKNIK SRIHARI SULTAN (PPS)	POLITEKNIK UNIKU (PPU)	POLITEKNIK UNIKU OMAR (PUO)	POLITEKNIK SULTAN SAHAUDIN ABDUL AZIZ SHAH (PSA)
COT	Creative Design Centre (CDeC)	Centre of Technology in Air-conditioning and Refrigeration (CARt)	Centre of Technology in Marine Engineering (CTME)	Centre for Medical Electronic Technology (CMET)
BIDANG TUJAHAN	Rekabentuk Kreatif	Penghawa Dingin dan Penyejukan	Kajuterapan Marin	Elektronik Perubatan
TARIKH AUDIT	15 Mei 2018	3 Julai 2018	3 Julai 2018	6 Julai 2018

dan 1 pengiktirafan COT baharu iaitu :

	COT	BIDANG TUJAHAN	TARIKH AUDIT
POLITEKNIK PORT DICKSON (PPD)	Centre of Architecture Technology (CARt)	Seni Bina	9 Oktober 2018

Penilaian COT adalah tertumpu kepada bidang tujuan berdasarkan penghasilan kajian/penyelidikan/inovasi, penawaran khidmat kepakaran, penawaran latihan, penajaan pendapatan, jaringan kola borasi, pengiktirafan dan penerbitan.

Secara kumulatifnya, kini telah wujud 8 COT di Politeknik yang diiktiraf. Pengiktirafan COT Politeknik merupakan status penting yang perlu dicapai di Politeknik bagi memastikan kelestarian sumber untuk membekalkan hasil penyelidikan/inovasi, khidmat kepakaran dan sesi latihan di dalam bidang tujuan yang diperlukan oleh pihak industri serta komuniti. Ia juga mampu melonjakkan mutu penawaran program di politeknik seiring dengan kehendak industri semasa di samping menepati percambahan teknologi terkini.





Audit CTME dan CARE di PUO pada 3 Julai 2018



Audit CMET di PSA pada 6 Julai



MAJLIS PERASMIAN DAN PECAH TANAH POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

Majlis Pecah Tanah Politeknik Besut Terengganu

Majlis Pecah Tanah Politeknik Besut Terengganu telah diadakan pada 6 Oktober 2017 (Jumaat) di Bukit Keluang, Besut, Terengganu. Majlis ini dirasmikan oleh mantan Timbalan Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi. Kampus yang berkeluasan 70 ekar ini mempunyai kapasiti reka bentuk bangunan yang mampu menempatkan 1,200 orang pelajar.

Majlis Pecah Tanah Politeknik Besut berlangsung pada 6
Oktober 2017

Kampus tetap Politeknik Besut Terengganu (PBT) bakal menempatkan dua jabatan iaitu Jabatan Teknologi Maklumat yang menawarkan program Diploma Teknologi Maklumat (Teknologi Digital) dan Jabatan Reka Bentuk dan Komunikasi Visual yang menawarkan program Diploma In Industrial Craft dan Diploma In Batik Fashion Design. Keunikan bangunan kampus PBT yang merupakan politeknik ke-34 di Malaysia ini dapat dilihat kerana ia mencerminkan ciri-ciri reka bentuk yang unik. Idea reka bentuk ini diilhamkan dan direalisasikan oleh pensyarah Program Seni Bina Politeknik Port Dickson (PPD). Konsep reka bentuk kampus yang organik dan menggunakan pendekatan hijau ini akan menaikkan imej dan identiti PBT kelak.



Gimik perasmian semasa Majlis Pecah Tanah Politeknik Besut



Cetusan idea bagi konsep reka bentuk kampus PBT



Keadaan tapak semasa kerja-kerja binaan baru bermula



Gambaran ilustrasi kampus PBT selepas projek siap kelak

Majlis Perasmian Kolej Komuniti

Program Perasmian Kolej Komuniti baharu telah dilaksanakan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi pada ketika itu. Bagi tahun 2018, sebanyak 12 buah Kolej Komuniti baharu telah dirasmikan.



Hasrat penubuhan kolej komuniti yang dirancang pengoperasiannya di setiap parlimen bertujuan membuka peluang pendidikan dan pembelajaran sepanjang hayat yang lebih meluas kepada seluruh komuniti di pelusuk negara untuk semua peringkat umur. Pengembangan kolej komuniti melalui kaedah ini dapat membuka akses pendidikan kepada seluruh warganegara tanpa mengira latar belakang bangsa dan agama.

Senarai Kolej Komuniti baharu yang dirasmikan adalah seperti berikut:

BIL	NAMA KOLEJ KOMUNITI	TARIKH PERASMIAN	BIL	NAMA KOLEJ KOMUNITI	TARIKH PERASMIAN
KOLEJ KOMUNITI INDUK			KOLEJ KOMUNITI CAWANGAN		
1	Kolej Komuniti Tasek Gelugor, Pulau Pinang	18 Januari 2018	5	Kolej Komuniti Cawangan Gelang Patah, Johor	26 Mac 2018
2	Kolej Komuniti Ampang, Selangor	3 April 2018	6	Kolej Komuniti Cawangan Sibu, Sarawak	9 April 2018
3	Kolej Komuniti Bagan Serai, Perak	6 April 2018	7	Kolej Komuniti Cawangan Jerlun, Kedah	10 April 2018
4.	Kolej Komuniti Jeli, Kelantan (Pecah Tanah Kampus)	5 Mei 2018	8	Kolej Komuniti Cawangan Kangar, Perlis	10 April 2018
			9	Kolej Komuniti Cawangan Lenggong, Perak	13 April 2018
			10	Kolej Komuniti Cawangan Rantau Panjang, Kelantan	14 April 2018
			11	Kolej Komuniti Cawangan Setiu, Terengganu	16 April 2018
			12	Kolej Komuniti Cawangan Sepang, Selangor	25 April 2018



Semua Kolej Komuniti baharu telah dirasmikan dengan jayanya di dalam majlis yang disambut baik oleh komuniti setempat ini. Kehadiran masyarakat tanpa mengira peringkat umur telah memeriahkan lagi suasana majlis perasmian yang julung-julung kali diadakan ini.




PENAWARAN PROGRAM PENGAJIAN BAHARU 2018

Matlamat pewujudan dan pelaksanaan program-program pengajian baharu di politeknik dan kolej komuniti adalah bagi memastikan kedua-dua institusi ini sentiasa relevan dalam menyediakan keperluan kepakaran tenaga kerja separuh mahir negara. Bagi tahun 2018, Program sedia ada iaitu (Program Diploma Pengurusan Pelancongan) dipindahkan dari Politeknik Sandakan Sabah (PSS) ke Politeknik Tawau Sabah (PTS).

Dalam masa yang sama terdapat 3 program pengajian baharu yang ditawarkan di kolej komuniti. Program Sijil Perkhidmatan Logistik akan ditawarkan di Kolej Komuniti Cawangan Rantau Panjang mulai Sesi Disember 2018, manakala, Langkawi Tourism Academy@KK Langkawi pula akan menawarkan dua program baharu mulai Sesi Disember 2018, iaitu:

1. *Certificate in Recreational & Tourism Joint Certificate with Taylor's University*
2. *Diploma in Hotel Operation Joint Certificate with Taylor's University*



MESYUARAT JAWATANKUASA TINDAKAN PEMBANGUNAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI (JTPPKK) 2018

Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Politeknik dan Kolej Komuniti (JTPPKK) bagi tahun 2018 telah berjaya diadakan sebanyak 6 kali iaitu pada bulan Januari, Februari, Mei, Julai, Ogos dan Oktober 2018. Mesyuarat ini diadakan bertujuan:

- i. Memastikan keberkesanan perancangan RMK setiap lima (5) tahun;
- ii. Memastikan setiap projek RMK memenuhi spesifikasi dan pelaksanaan mengikut jadual;
- iii. Memastikan pemantauan projek pembangunan berhasil seperti yang dirancang; dan
- iv. Memastikan pelaksanaan kerja penyenggaraan berskala besar.




Mesyuarat JTPPKK Bil.5/2018 di Politeknik Ungku Omar



Mesyuarat JTPPK Bil.6/2018 di Bilik Bunga Raya, Aras 7, JPPKK

Gambarajah di bawah menunjukkan tanggungjawab JTPPK dalam memastikan perancangan dan pelaksanaan projek pembangunan di Politeknik dan Kolej Komuniti berjalan dengan lancar:





PROJEK PEMBANGUNAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

Sepanjang tahun 2018, beberapa projek pembangunan fizikal iaitu pembinaan dan ubah suai bangunan politeknik dan kolej komuniti (sama ada berbentuk premis tetap dan premis sewaan) telah selesai dan juga sedang dalam proses pelaksanaan. Selain itu, projek naik taraf institusi / bangunan sedia ada juga sedang rancak dilaksanakan. Berikut merupakan projek-projek berkaitan pembangunan politeknik dan kolej komuniti yang dilaksanakan sepanjang tahun ini:

Projek Pembangunan Fizikal (Bina dan Ubah Suai) yang telah selesai:

BIL.	PROJEK	SERAHAN BANGUNAN
1.	Ubah suai Bangunan Kolej Komuniti Bagan Serai, Perak	2 Ogos 2017
2.	Pembinaan Kampus Kolej Komuniti Tasek Gelugor, Pulau Pinang	18 Januari 2018
3.	Ubah suai Bangunan Kolej Komuniti Cawangan Jerlun, Kedah	21 Mac 2018
4.	Ubah suai Bangunan Kolej Komuniti Cawangan Kangar, Perlis	18 April 2018
5.	Ubah suai Bangunan Kolej Komuniti Cawangan Setiu, Terengganu	3 Mei 2018
6.	Ubah suai Bangunan Kolej Komuniti Cawangan Gelang Patah, Johor	26 Julai 2018
7.	Ubah suai Bangunan Kolej Komuniti Cawangan Rantau Panjang, Kelantan	5 Julai 2018
8.	Ubah suai Bangunan Kolej Komuniti Cawangan Hulu Terengganu, Terengganu	31 Julai 2018
9.	Ubah suai Bangunan Kolej Komuniti Cawangan Lenggong, Perak	3 Disember 2018



Projek Pembangunan Fizikal (Bina dan Ubah Suai) yang sedang dilaksanakan:

BIL	PROJEK
POLITEKNIK	
1.	Pembangunan Politeknik Tawau (PTS)
2.	Pembangunan Politeknik Hulu Terengganu (PHT)
3.	Pembangunan Politeknik Besut Terengganu (PBT)
4.	Pembangunan Politeknik Ungku Omar Cawangan Bercham (PUO, Cawangan Bercham)
KOLEJ KOMUNITI	
5.	Pembangunan Kampus Kolej Komuniti Tambunan Sabah
6.	Ubahsuai Bangunan Kolej Komuniti Cawangan Sibu
7.	Pembangunan Kota Kinabalu Tourism Academy@Kolej Komuniti Kota Kinabalu (KKTA), Sabah
8.	Pembangunan Sabah Digital Academy@KK Papar, Sabah
9.	Pembinaan Kampus Kolej Komuniti Jeli, Kelantan



Bangunan Politeknik Hulu Terengganu dalam proses penyiapan



Keadaan semasa di tapak projek KKTA@ KK Kota Kinabalu



Keadaan semasa di tapak untuk projek Politeknik Besut Terengganu



Keadaan semasa di tapak projek KK Tambunan

Projek Naik Taraf Politeknik dan Kolej Komuniti:

Politeknik

BIL.	PROJEK
PROJEK NAIK TARAF POLITEKNIK YANG TELAH SELESAI	
1.	Menaik Taraf Bangunan Maktab Lama dan Pembaikan Cerun Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, Pahang (POLISAS)
2.	Menaik Taraf Perpustakaan Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin, Terengganu (PSMZA)
PROJEK NAIK TARAF POLITEKNIK YANG SEDANG DILAKSANAKAN:	
3.	Menaik Taraf Perpustakaan Sedia Ada dan Green Energy Lab Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan (PPD)
4.	Menaik Taraf Perpustakaan Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Kedah (POLIMAS)
5.	Menaik Taraf Perpustakaan Politeknik Ungku Omar, Perak (PUO)
6.	Menaik Taraf Perpustakaan & Water Reticulation Politeknik Kuching Sarawak (PKS)
7.	Menaik Taraf Perpustakaan Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang (PSP)



Keadaan sebelum dan selepas projek pengukuhan cerun luar
KK Sungai Siput, Perak



Keadaan sebelum dan selepas projek naik taraf dewan dan gelanggang futsal
KK Jasin, Melaka

Kolej Komuniti

BIL.	PROJEK
PROJEK NAIK TARAF KOLEJ KOMUNITI YANG TELAH SELESAI:	
1.	Menaik Taraf dan Pembaikan Bumbung Kolej Komuniti Rembau, Negeri Sembilan
2.	Pembaikan Cerun Luar Kolej Komuniti Sungai Siput, Perak
3.	Menaik Taraf dan Pembaikan Bangunan Kolej Komuniti Jasin, Melaka
4.	Menaik Taraf Makmal BIM dan Makmal Cadd (1&2) Kolej Komuniti Kuching, Sarawak
PROJEK NAIK TARAF KOLEJ KOMUNITI YANG SEDANG DILAKSANAKAN:	
5.	Menaik Taraf Ruang PdP Kolej Komuniti Sabak Bernam, Selangor
6.	Menaik Taraf dan Pembaikan Bangunan Kolej Komuniti Pasir Salak, Perak
7.	Menaik Taraf Dewan dan Pembaikan Bumbung Kolej Komuniti Hulu Langat, Selangor
8.	Menaik Taraf Makmal Pemprosesan Makanan Kolej Komuniti Bagan Serai, Perak
9.	Menaik Taraf Ruang PdP Kolej Komuniti Sabak Bernam, Selangor



PEMBANGUNAN SISTEM PENGUKURAN KECEKAPAN PRASARANA

Politeknik dan kolej komuniti berhasrat membangunkan Model Penilaian Kecekapan Prasarana yang diadaptasi daripada teknik *Overall Equipment Efficiency* (OEE) bertujuan menilai kesediaan, prestasi peralatan dan tahap kecekapan penggunaan peralatan sebagai alat bantu proses pengajaran dan pembelajaran. Justeru, sebuah aplikasi sistem dibangunkan bagi menjadi medium automasi untuk membantu proses penilaian ini dilaksanakan dengan lebih berkesan.



Sesi penyerahan pelantikan Ahli
Jawatankuasa Pembangunan Sistem

Di antara objektif pembangunan sistem ini adalah bagi mengoptimalkan penggunaan sumber sedia ada serta memastikan peralatan yang digunakan seiring dengan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0).



Sesi perbengkelan bagi Pembangunan
Sistem Pengukuran Kecekapan Prasarana

Pada bulan Oktober 2018, fasa pertama bagi pembangunan sistem ini telah diadakan melalui pre-kaunsel bersama pemegang taruh dan pembangun sistem manakala bagi fasa kedua, bengkel bersiri bagi pembangunan sistem juga telah diadakan. Fasa selanjutnya iaitu pilot test dan koreksi serta pelancaran akan dilaksanakan pada tahun 2019.

Rajah di bawah menunjukkan garis masa pelaksanaan sistem ini:





PENGEMASKINIAN DATA PELAJAR MYMOHES (POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI)

MyMOHES merupakan satu 'dashboard' Kementerian yang digunakan bagi mengakses data pelajar di politeknik dan kolej komuniti. Objektif sesi perbengkelan yang diadakan adalah untuk memberikan data terkini berkaitan pelajar (politeknik dan kolej komuniti) dari pangkalan data di samping membersihkan data pelajar (ralat data). Data pelajar akan dibersihkan dan dihantar semula mengikut tarikh yang dipersetujui. Data yang berkualiti akan dihantar kepada MyMOHES Kementerian melalui sistem e-anjung.

Tempoh 'cut-off' data adalah selepas minggu ke-8 pendaftaran pelajar baharu sebelum data tersebut dihantar kepada MyMOHES Kementerian.




Sesi perbengkelan pengemaskinian data pelajar MyMOHES bagi politeknik dan kolej komuniti




PEMBANGUNAN APLIKASI BERPUSAT POLITEKNIK – EXECUTIVE INFORMATION SYSTEM (EIS)

Seiring dengan perkembangan teknologi maklumat yang pesat membangun, politeknik telah merangka satu plan transformasi maklumat ke arah Data Berpusat (*Centralization Data*) dan Perlombongan Data (*Mining Data*). Sehubungan itu, dalam tahun 2018 satu sistem yang dinamakan *Executive Information System* (EIS) sedang dibangunkan dan dijangka guna pakai pada suku tahun kedua 2019.

Objektif pembangunan sistem EIS ini adalah untuk menyediakan sebuah sistem berpusat dengan menggabungkan sistem sedia ada politeknik iaitu Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar (SPMP) dan Web Based Staff Information System (eSiS). Melalui Sistem EIS ini, pihak Jabatan boleh menyemak dan menyediakan pelaporan berdasarkan kepada data terkini seperti mana dikehendaki oleh pihak jabatan.






PEMBANGUNAN PUSAT DATA BERSEPADU KOLEJ KOMUNITI

Pembangunan Pusat Data Bersepadu Kolej Komuniti meliputi dua (2) skop utama iaitu konsolidasi pusat data dan pusat pemulihan bencana (DRC) kolej komuniti serta menaik taraf kemudahan dan rangkaian ICT di kolej komuniti.

Objektif Pembangunan Pusat Data ini adalah untuk memastikan agar perkhidmatan ICT di kolej komuniti dapat berfungsi dengan lebih berkesan. Selain itu, ia juga diperlukan untuk kegunaan warga kolej komuniti dan masyarakat setempat bagi tujuan kursus pendek. Ianya merangkumi perolehan perkakasan, perisian, rangkaian dan perkhidmatan yang dijalankan secara berfasa dari 2017-2020 mengikut zon.



Sesi pemantauan Projek Pembangunan Pusat Data Bersepadu Kolej Komuniti Fasa 1 oleh BPM, KPM yang selesai pada tahun 2018 di KK Kepala Batas

SKOP 1: Konsolidasi pusat data dan pusat pemulihan bencana (DRC) Kolej Komuniti			
	Fasa 2 (2018)		
	Pusat Data & DRC		
Fasa 1 (2017)	Fasa 2 (2018)	Fasa 3 (2019)	Fasa 4 (2020)
SKOP 2: Menaiktaraf kemudahan dan rangkaian ICT di Kolej Komuniti			
ZON 1 (KK PULAU PINANG, KK KULIM)	ZON 2 - KK KEDAH ZON 3 - KK SELANGOR ZON 4 - KK SABAH ZON 5 - KK SARAWAK	ZON 6 - KK PERAK ZON 7 - KK JOHOR	ZON 8 - KK NEG SEMBILAN ZON 9 - KK MELAKA ZON 10 - (KK PAHANG, TERENGGANU, KELANTAN)

Skop utama mengikut fasa bagi tahun 2018


PENUTUP

Kesimpulannya, program dan projek yang dirancang oleh Bahagian Perancangan Program dan Institusi (BPPI) bagi tahun 2018 telah berjaya dilaksanakan. Setiap unit yang terdapat di dalam Bahagian ini bekerjasama dalam menjayakan fungsi tugas unit masing-masing bagi memastikan perancangan program dan institusi di Politeknik dan Kolej Komuniti berjalan dengan lancar.

Segala perancangan aktiviti dan program akan diteruskan ke tahun 2019 demi merealisasikan visi Jabatan untuk menjadi institusi TVET premier yang diterajui industri. Bahagian ini juga akan terus komited dan bekerjasama dengan bahagian-bahagian lain serta semua institusi di politeknik dan kolej komuniti demi mencapai visi kementerian ke arah 'Pendidikan Berkualiti, Insan Terdidik, Negara Sejahtera'.

BAHAGIAN

GOVERNAN & KECEMERLANGAN



PENGENALAN

Fungsi-fungsi Unit di Bahagian Governan dan Kecemerlangan adalah seperti berikut:

UNIT TADBIR URUS INSTITUSI

1. Menterjemah dasar dan hala tuju pengoperasian institusi berkaitan pendidikan dan latihan.
2. Menyediakan kertas dasar berkaitan Tadbir Urus Institusi dan cadangan bagi membantu penyediaan Kertas Jemaah Menteri berkaitan Akta.
3. Menyedia, mengawal selia dan memantau pelaksanaan pelan tindakan dan garis panduan pengoperasian institusi.
4. Mengawal selia, memantau dan memudahkan cara pengoperasian institusi (termasuk pengoperasian zon, mengemaskini pendaftaran institusi).
5. Mengawal selia, memantau dan memudahcara pengoperasian PFI dan EPC.
6. Mengawal selia, memantau dan memudahkan cara pengoperasian institusi bagi sesuatu majlis di Jabatan dan institusi.
7. Merancang, melaksana dan memantau Pasukan Inspektorat Dalam (PID).
8. Merancang, mengurus dan mengawal selia penyediaan pelaporan tahunan institusi.
9. Bertanggungjawab mengurusetiaan mesyuarat dan persidangan pengarah-pengarah Institusi.
10. Merancang dan menguruskan mesyuarat Jawatankuasa Integriti & Tadbir Urus (JITU) di Jabatan

UNIT JAMINAN KUALITI

1. Merancang dan melaksanakan urusan akreditasi program pengajian dan institusi secara berterusan bagi tujuan memenuhi keperluan akreditasi atau piawaian badan-badan profesional lain di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
2. Menyelaras dan memantau aktiviti jaminan kualiti program pendidikan dan latihan agar mematuhi piawaian yang ditetapkan oleh Kerangka Kelayakan Malaysia atau piawaian badan-badan profesional yang lain di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
3. Merancang, mengurus dan melaksanakan urusan penilaian program pendidikan dan latihan bagi tujuan penambahbaikan berterusan berdasarkan piawaian yang ditetapkan oleh Kerangka Kelayakan Malaysia atau piawaian badan-badan profesional yang lain di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

UNIT KECEMERLANGAN INSTITUSI

1. Membangunkan Item pengukuran dan memantau pelaksanaan pencapaian KPI jabatan dan institusi.
2. Membangun, melaksana, menyenggara dan membuat pelaporan pemantauan sistem penarafan bagi menilai kecemerlangan institusi.
3. Menyelaras perundingan isu berkaitan KPI
4. Mengurus pencapaian prestasi institusi dan merancang penambahbaikan
5. Menyediakan laporan prestasi institusi secara berkala dan tahunan kepada Timbalan Ketua Pengarah (Governan) sebelum dikemukakan kepada Ketua Pengarah.

UNIT PENTADBIRAN

1. Membantu mengurus sistem fail dan urusan surat-menyurat
2. Membantu mengurus aset, aset yang disewa dan membuat pinjaman aset.
3. Membantu mengurus permohonan pakej dan pesanan tempatan.
4. Pentadbir bagi Sistem HRMIS
5. Pentadbir bagi Sistem Eg-Sentrik/ Biometrik (laporan kehadiran)
6. Pentadbir bagi Sistem Esis .
7. Membantu mengurus urusan borang-borang, dan kiriman/pos barang
8. Membantu membuat salinan, mengimbas, *binding* dan menjilid
9. Membantu dalam urusan keurusetiaan mesyuarat/ bengkel/kursus dan program yang berkaitan.

PROGRAM DAN AKTIVITI UTAMA

Politeknik Ungku Omar (PUO) dan Politeknik Ibrahim Sultan (PIS) telah menerima lawatan daripada panel penilai Asia Pasific Accreditation and Certification Commission (APACC). Lawatan ini merupakan akreditasi semula kedua-dua politeknik berkenaan selepas berjaya mendapat anugerah emas empat tahun yang lalu. Proses akreditasi semula ini bertujuan untuk menilai penambahbaikan yang telah dilaksanakan oleh politeknik tersebut berdasarkan kepada saranan dari lawatan pertama, khususnya melibatkan pematuhan piawaian APACC oleh PUO dan PIS. Lawatan ini telah berlangsung pada 30 Julai hingga 01 Ogos 2018 di PUO, manakala pada 16 – 18 Oktober 2018 pula di PIS. Akreditasi semula ini melibatkan panel-panel akreditor dari negara seperti Thailand, Nepal dan Filipina. Penilaian semula akreditasi APACC adalah seperti dalam grafik di sebelah.





PASUKAN INSPEKTORAT DALAMAN (PID)

Penubuhan Pasukan Inspektorat Dalaman (PID) di semua jabatan adalah di atas saranan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia. Peranan PID adalah menjalankan pemeriksaan berdasarkan aduan yang diterima, mengenal pasti (*detective*) kelemahan dan ketidakpatuhan dalam melaksanakan prosedur atau peraturan yang sedang berkuat kuasa, mengesyorkan tindakan penambahbaikan (*corrective*) bagi membantu mengatasi dan mencegah kelemahan daripada berulang (*preventive*). Penubuhan PID ini juga bertujuan untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan awam dan tadbir urus di semua jabatan dan institusi. Unit Tadbir Urus Institusi, Bahagian Governan dan Kecemerlangan telah dilantik sebagai urusetia pengurusan aduan di Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti. Tanggungjawab urusetia pengurusan aduan di JPPKK adalah seperti berikut:





Lawatan panel akreditasi semula APACC pada 30 Julai hingga 01 Ogos 2018 di Politeknik Ungku Omar



Lawatan panel akreditasi semula APACC pada 16 – 18 Oktober 2018 di Politeknik Ibrahim Sultan

Antara aktiviti yang dijalankan oleh PID, JPPKK ialah :

Kursus Pasukan Inspektorat Dalaman (PID) JPPKK Siri 1/2018 pada 26 Julai 2018



Ceramah Pengurusan Aduan dan Asas Siasatan oleh pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia




Ceramah Tatakelakuan dan Larangan Dalam Perkhidmatan Awam oleh Unit Integriti, Kementerian Pendidikan Malaysia

Bengkel draf Garis Panduan dan Standard Operating Procedure (SOP) PID Siri 1 & 2/2018



Pembentangan draf Garis Panduan dan Standard Operating Procedure (SOP) PID oleh Wakil Pasukan Inspektorat Dalaman JPPKK



BENGKEL SEMAKAN SEMULA KPI POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI 2019



MESYUARAT PENGARAH- PENGARAH POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

Bengkel semakan semula KPI politeknik dan kolej komuniti bagi tahun 2019 berpandukan kepada Pelan Strategik JPPKK, dan Kerangka Kerja TVET telah dijalankan pada 14-16 Oktober 2018 di Hotel Vivatel, Kuala Lumpur. Bengkel ini juga diadakan untuk membuat semakan semula kepada semua KPI 2018 di jabatan dan institusi. Seramai 80 orang peserta telah terlibat di dalam bengkel ini termasuk semua pengarah bahagian di JPPKK, pemilik proses KPI JPPKK, pengarah dan penyelarar KPI di institusi.



Sesi pembentangan kumpulan draf KPI bagi jabatan dan institusi bagi tahun 2019

Bahagian Governan Dan Kecemerlangan (BGK) telah mengambil inisiatif melaksanakan mesyuarat pengarah-pengarah selepas penggabungan rasmi di antara Jabatan Pendidikan Politeknik (JPP) dan Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti (JPKK) di bawah satu pentadbiran iaitu Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK). Objektif utama mesyuarat ini adalah untuk menyelarar dan memberi input berkaitan struktur dan fungsi baharu JPPKK, kewangan dan isu-isu di institusi. Selain itu, ia bertujuan untuk memastikan semua maklumat yang diberikan kepada institusi adalah tepat mengikut perkembangan semasa. Mesyuarat pengarah-pengarah kolej komuniti telah berlangsung pada 01 Oktober 2018 di Dewan Tan Sri Abdul Kadir Yusof, Jabatan Peguam Negara, Putrajaya dengan melibatkan seramai 102 orang. Manakala mesyuarat pengarah politeknik pula telah berlangsung pada 02 Oktober 2018 di Bilik Bunga Raya Galeria PJH, Putrajaya melibatkan 36 orang pengarah politeknik. Pihak jabatan juga mengambil kesempatan untuk meraikan jasa dan sumbangan pengarah-pengarah yang telah dan akan bersara melalui sesi 'retreat' bersama Ketua Pengarah JPPKK di Dewan Za'aba (KPM), Presint 5 Putrajaya.



Majlis penutupan bengkel dirasmikan oleh pengarah Bahagian Governan dan Kecemerlangan, JPPKK



Mesyuarat pengarah-pengarah kolej komuniti di Dewan Tan Sri Abdul Kadir Yusof, Jabatan Peguam Negara, Putrajaya



Sesi 'retreat' bersama pengarah-pengarah politeknik dan kolej komuniti di Dewan Za'aba (KPM), Putrajaya




PENUTUP

Kementerian Pendidikan Malaysia amat menitik beratkan struktur tadbir urus yang kukuh, kuasa membuat keputusan yang jelas, pengurusan pihak berkepentingan yang berkesan serta disokong oleh kawalan dalaman organisasi yang sewajarnya. Sehubungan dengan itu, Bahagian Governan dan Kecemerlangan telah ditubuhkan selaras dengan penggabungan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti di bawah satu bumbung iaitu Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti.

Penubuhan ini juga adalah selari dengan Lonjakan 6: Pemantapan Tadbir Urus di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi). Sejak penubuhannya, Bahagian Governan dan Kecemerlangan telah berjaya melaksanakan pelbagai program/aktiviti, bagi memastikan institusi mendapat maklumat terkini berhubung fungsi dan penstrukturan baharu semua bahagian di JPPKK. Terima kasih dan tahniah diucapkan kepada semua warga politeknik dan kolej komuniti yang telah bersama-sama memberikan kerjasama dan sokongan kepada Bahagian Governan dan Kecemerlangan, bagi memastikan semua program/aktiviti dilaksanakan dengan jayanya sepanjang tahun 2018.

BAHAGIAN
**KOLABORASI
INDUSTRI &
KOMUNITI**



PENGENALAN

Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti (BKIK) berperanan sebagai perhubungan dan rangkaian strategik dengan industri, komuniti, agensi kerajaan, IPT dan agensi lain bagi menyokong aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Kolaborasi bersama industri dilaksanakan bagi memastikan kebolehpasaran dan kebolehdapatan kerja graduan politeknik dan kolej komuniti.

BKIK juga berperanan memperluaskan akses kepada pendidikan dan latihan berkemahiran yang berkualiti tinggi, memupuk jalinan industri-akademia yang lebih kukuh, membangunkan program kemahiran yang relevan dengan industri, mengenal pasti dan memudah cara proses bagi mendapatkan sumber pendanaan untuk program pembelajaran sepanjang hayat (PSH) di politeknik, menjana pekerjaan berkemahiran, meningkatkan gaji dan upah, merancang dan mengurus pelaksanaan program kolaborasi berkaitan PSH bersama kumpulan sasaran ke arah pembangunan PSH yang lebih lestari.

PROGRAM DAN AKTIVITI UTAMA



NATIONAL INDUSTRY DIALOGUE 2018

Program National Industry Dialogue 2018 telah diadakan pada 15hb November 2018 bertempat di Putra Hall A, Putrajaya International Convention Centre (PICC), Putrajaya. *National Industry Dialogue 2018* ini yang bertemakan “*Living Skills in the 21st Century: TVET Empowerment*” telah berjaya mengumpulkan 252 penyertaan, terdiri daripada 114 rakan industri pelbagai bidang, para pentadbir dan pendidik dari Malaysian Technical University Network (MTUN), politeknik, kolej komuniti dan kolej vokasional, serta

pengembing dasar dari jabatan kerajaan bagi membincangkan peluang serta cabaran dalam membentuk landskap ekonomi TVET negara di masa hadapan.

Objektif program adalah bagi membincangkan kerelevanan dan harapan ke atas graduan TVET di Malaysia serta memberikan maklumat berkaitan cabaran dan peluang dalam membentuk modal insan dalam landskap ekonomi 4.0.

Program ini telah dirasmikan oleh YB Menteri Pendidikan Malaysia, Dr. Maszlee bin Malik. YB Menteri juga turut menyempurnakan acara pertukaran dokumen MoU di antara Kementerian Pendidikan Malaysia dengan Panasonic Appliances Air-Conditioning Malaysia Sdn. Bhd., Pelabuhan Tanjung Pelepas Sdn. Bhd. dan Advance Pact Sdn. Bhd.

YBhg. Prof. Dato' Ts. Dr. Mohd Ismail bin Abd Aziz, Ketua Pengarah, JPPKK telah membentangkan topik *Polytechnics and Community Colleges as TVET Catalyst* dan Mohamad Ismail Abu Bakar, Pengarah, Industry Talent Management and Expatriate Division, MIDA telah membentangkan beberapa topik *Skills on the Move: Global Trends, Local Needs*.

Selain itu, forum juga diadakan bagi membincangkan tajuk *Building A Brighter Talent Through TVET* dengan moderator Tuan Sayed Munawar Sayed Mohd Mustar turut melibatkan 5 orang ahli panel seperti Puan Zainab Ahmad, Pengarah Kanan (Akademik), JPPKK, YBhg. Dato' Bruce Lim Aun Choong, Timbalan Ketua Setiausaha, Malaysia Retail Chain Association (MRCA), Encik Mohd Shahar Yope, Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan, MMC Corp., Encik Zulkifly bin Abdul Rahman, ahli jawatankuasa majlis, Malaysian Employer Federation (MEF) dan Encik Mohamad Asri bin Ahmad,

pengurus, *IBM Client Innovation Centre*, Malaysia.

Program ini sedikit sebanyak telah membuka ruang dan peluang bagi merapatkan jurang antara akademik dan industri serta meningkatkan jaringan kolaborasi dan pemahaman antara kedua-dua pihak dalam membentuk lanskap modal insan negara terutamanya dalam institusi TVET.



Majlis telah dirasmikan oleh YB Dr. Maszle Bin Malik, Menteri Pendidikan Malaysia



Sesi Forum: *Building A Brighter Talent Through TVET*



Pertukaran dokumen MoU di antara Kementerian Pendidikan Malaysia dengan Panasonic Appliances Air-Conditioning Malaysia Sdn. Bhd, Pelabuhan Tanjung Pelepas Sdn. Bhd. dan Advance Pact Sdn. Bhd.



MESYUARAT MAJLIS PENASIHAT INDUSTRI (IAC) 2018

Mesyuarat Majlis Penasihat Industri (IAC) 2018 Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti dan perbincangan meja bulat bersama YB Menteri Pendidikan Malaysia telah diadakan pada 1 Oktober 2018 di Hotel Everly, Putrajaya. Mesyuarat tersebut telah dirasmikan oleh YB Dr. Maszlee bin Malik, Menteri Pendidikan Malaysia. Turut hadir bersama ialah YBhg. Dato' Dr. Mohd Gazali bin Abas, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia. Mesyuarat dilaksanakan bagi menyediakan ruang dan peluang perkongsian informasi di antara industri dan Institusi serta memperkasa peranan Majlis Penasihat Industri sebagai pusat informasi dan sumber maklumat kepada pelan strategik akademik bagi politeknik dan kolej komuniti.

Pengerusi Majlis Penasihat Industri adalah YBhg. Tan Sri Dato' Azman Shah Dato' Seri Haron. Ahli majlis ini terdiri dari persatuan industri, agensi kerajaan serta industri seperti Malaysian Employers Federation (MEF), Master Builders Association Malaysia (MBAM), Malaysia Retail Chain Association (MRCA), Malaysian Association of Hotels (MAH), Federation of Malaysian Manufacturers (FMM), Malaysia Automotive Institute (MAI), Association of Consulting Engineers Malaysia (ACEM), Malaysia Industrial Development Authority (MIDA), Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MIGHT), Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), Human Resource Development Fund (HRDF), Malaysian Global Innovation &

Creativity Centre (MaGiC), Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS), SME Corporation Malaysia (SME Corp.), PKT Logistics Group Sdn. Bhd. dan Association of Malaysian Spas (AMSPA).

Mesyuarat tersebut telah berjaya menghubungkan pengurusan tertinggi Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti dan Kementerian Pendidikan Malaysia bersama dengan pemain industri dalam memantapkan lagi institusi TVET di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kedua-dua mesyuarat ini diadakan bertujuan untuk mengukuhkan penglibatan industri dengan politeknik dan kolej komuniti selari dengan peningkatan kualiti penyampaian graduan TVET dan memenuhi keperluan pasaran semasa. Program telah berjalan dengan lancar mengikut perancangan. Hasil daripada mesyuarat tersebut, tindakan susulan telah diambil berdasarkan maklumat yang telah diperolehi dari pihak industri.



Mesyuarat meja bulat bersama YB Menteri Pendidikan Malaysia

Selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), pelbagai usaha dilaksanakan bagi memastikan kolej komuniti dapat melahirkan graduan TVET yang holistik dan menepati keperluan industri. Oleh yang demikian, kolaborasi bersama industri adalah penting bagi memastikan graduan kolej komuniti mendapat pendedahan serta input berkaitan keperluan industri terhadap graduan TVET yang berkemahiran tinggi. Majlis dialog bersama industri tahun 2018 dilaksanakan di lapan lokasi mengikut zon serta melibatkan 1600 pelajar kolej komuniti. Majlis ini dianjurkan oleh kolej komuniti Malaysia dengan kerjasama Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti, JPPKK.

Majlis ini dapat mengumpulkan industri setempat dan memberikan perkongsian ilmu serta pendedahan kepada pelajar kolej komuniti dalam usaha meningkatkan kebolehpasaran graduan selaras dengan usaha melahirkan graduan TVET yang berkualiti dan memenuhi keperluan industri. Selain itu juga, ianya bertujuan memberikan pendedahan kepada pelajar kolej komuniti berkaitan teknik-teknik penyesuaian kerjaya, serta membuka minda pelajar tentang peluang kerja yang ditawarkan oleh pihak industri. Majlis ini juga dapat membantu graduan kolej komuniti untuk mendapatkan kerja yang bersesuaian selepas menghadiri program yang dijalankan.



Ahli IAC bergambar bersama-sama YB Menteri Pendidikan Malaysia



MAJLIS DIALOG INDUSTRI KOLEJ KOMUNITI MALAYSIA 2018



Majlis Dialog Bersama Industri 2018 Kolej Komuniti Negeri Perak (14 Ogos 2018)



Majlis Dialog Bersama Industri 2018 Kolej Komuniti Wilayah Timur (15 Ogos 2018)



Majlis Dialog Bersama Industri 2018 Kolej
Komuniti Wilayah Sarawak (16 Ogos 2018)



Majlis Dialog Bersama Industri 2018 Kolej Komuniti
Negeri Johor (24 September 2018)



Majlis Dialog Bersama Industri 2018 Kolej
Komuniti Negeri Melaka & Negeri Sembilan
(13 September 2018)



Majlis Dialog Bersama Industri 2018 Kolej
Komuniti Negeri Selangor (27 September 2018)



MAJLIS PELANCARAN MMC EDU CENTRE & PENYERAHAN PERALATAN

Majlis Pelancaran MMC-Polytechnic Education Centre telah dilaksanakan sempena penyerahan peralatan sumbangan MMC Corporation Berhad (MMC) pada 26 Mac 2018. Penyerahan disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Che Khalib, Pengarah Urusan Kumpulan MMC kepada Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, YBhg. Prof. Dato' Ts. Dr. Mohd Ismail Bin Abd Aziz disaksikan oleh YB Dato' Seri Idris Jusoh, Menteri Pendidikan Tinggi. Antara peralatan yang disumbangkan termasuk 2-unit *prime mover* dari Pelabuhan Tanjung Pelepas Sdn. Bhd. dan Johor Port Berhad dan 21 peralatan kejuruteraan dari Malakoff Corporation Berhad. MMC-Polytechnic Education Center ini akan menjadikan pusat perhubungan interaktif antara Politeknik Ibrahim Sultan dan Kumpulan MMC.

MMC-Polytechnic Education Center juga akan menjadi pusat untuk *reskilling* dan *upskilling* bagi pensyarah, pelajar dan industri bagi meningkatkan kualiti pendidikan serta latihan teknikal dan vokasional (TVET) seterusnya mendepani cabaran Industri 4.0.



Sesi simbolik penyerahan replika kunci prime mover sumbangan Johor Port Berhad dari Pengarah Urusan Kumpulan MMC Corporation, YBhg. Dato' Sri Che Khalib Mohamad Noh kepada Ketua Pengarah JPPKK, YBhg. Profesor Dato' Ts. Dr. Mohd Ismail Bin Abd Aziz



Simbolik Majlis Pelancaran MMC-Polytechnic Edu Centre di Politeknik Ibrahim Sultan oleh YB Dato' Seri Idris Jusoh, Menteri Pendidikan Tinggi dan Pengarah Urusan Kumpulan MMC Corporation, YBhg. Dato' Sri Che Khalib Mohamad Noh



JOBSTREET.COM GRADUATE EMPLOYABILITY AMBASSADOR & CAREER CERTIFICATION PROGRAM



CoC telah ditandatangani oleh YBhg. Prof. Dato' Ts. Dr. Mohd Ismail Bin Abd Aziz, Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti dan En. Gan Bock Herm, Country Manager Jobstreet.com Malaysia

Program Graduate Employability Student Ambassador dan Career Services Certification merupakan salah satu inisiatif Jobstreet.com bersama akademik. Program kolaborasi bersama Jobstreet.com ini yang melibatkan pelajar dan pegawai politeknik bertujuan mendedahkan pelajar dan pegawai pada proses job-hunting dan menggunakan platform pekerjaan yang berkesan. Pihak Jobstreet.com turut menjalankan sesi penulisan resume yang memenuhi keperluan industri kini. Pelajar dan pegawai juga turut didedahkan dengan jawatan kosong terkini, gaji minima mengikut bidang, pekerjaan yang relevan mengikut bidang dan taraf pekerjaan.

Program ini dijalankan di politeknik secara berfasa melalui bimbingan dan aktiviti bersama Jobstreet.com. Program Fasa Pertama melibatkan 11 buah politeknik di Zon Tengah (26 Julai 2017) dan Zon Sarawak (2 Oktober 2017) iaitu seramai 88 orang pelajar dan 46 orang pegawai. Pelajar yang tamat program ini ditauliahkan dengan pensijilan *Student Ambassador Certification* manakala pegawai yang tamat program akan ditauliahkan dengan pensijilan *Career Services Certification* oleh Jobstreet.com. Pihak Jobstreet.com juga telah menyerahkan satu *portable career corner* kepada 8 buah politeknik Zon Tengah yang menyertai program ini tanpa sebarang kos. *Portable career corner* digunakan oleh pelajar bagi menjalankan aktiviti kebolehpasaran bersama rakan-rakan. Beberapa siri klinik resume turut dijalankan di politeknik setelah program ini.

Hasil daripada program ini, 88 orang pelajar dan 46 orang pegawai telah dapat pendedahan dalam proses *job-hunting* dan penyediaan ke arah alam pekerjaan. Pelajar juga dilatih untuk menyediakan resume yang lengkap dan memenuhi keperluan semasa. Kesemua peserta program ini juga telah mendapat pensijilan dari Jobstreet.com di mana ia memberi nilai tambah kepada pelajar khususnya bagi mendapatkan pekerjaan. Program ini melatih pelajar ke arah nilai kepimpinan dan kebolehan untuk mengurus dan mengendalikan sesuatu program/projek.



Majlis ini turut dihadiri oleh pengurusan tertinggi Jobstreet.com Malaysia dan JPPKK serta pengarah dan pegawai politeknik yang terlibat dalam program bersama Jobstreet.com.



HONDA INSTITUTE ALLIANCE PROGRAM

Honda Institute Alliance Program melatih pelajar untuk menjadi juruteknik di Pusat Servis Honda Malaysia. Program ini adalah inisiatif yang diambil oleh Honda bagi memenuhi keperluan juruteknik di Pusat Servis Honda disebabkan penjualan kereta yang amat tinggi. Program ini ditawarkan untuk semua pelajar bidang automotif yang berminat untuk bekerja dengan Pusat Servis Honda. Program ini dijalankan selama enam(6) bulan di mana pelajar akan mempelajari 2 modul iaitu Repair Technician dan Maintenance Technician. Pelajar akan menjalani latihan teori di Pusat Latihan Honda dan latihan praktikal di Pusat Servis Honda yang dipilih oleh pelajar sendiri. Program ini amat sesuai bagi pelajar kolej komuniti program sijil servis kenderaan ringan.

Program ini dijalankan secara berfasa dan untuk fasa pertama, 25 orang pelajar kolej komuniti program sijil servis kenderaan ringan telah dipilih untuk mengikuti program ini. Pelajar ini adalah dari 17 kolej komuniti yang menawarkan program sijil servis kenderaan ringan. Pelajar yang terpilih akan melalui modul-modul yang telah disediakan oleh Honda dan seterusnya diserap bekerja dengan Pusat Servis Honda setelah tamat latihan. Selain daripada itu, pelajar ini juga memperolehi pensijilan Honda Qualified Service Personnel (HQSP) dan ini memberi nilai tambah kepada pelajar bagi meningkatkan lagi laluan kerja.



Majlis ini turut dihadiri oleh pengurusan tertinggi Honda Malaysia Sdn Bhd, dan JPPKK serta pengarah-pengarah politeknik dan kolej komuniti yang terlibat.



CoC telah ditandatangani oleh YBhg. Prof. Dato' Ts. Dr. Mohd Ismail Bin Abd Aziz, Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti dan En. Toichi Ishiyama, CEO dan Managing Director of Honda Malaysia Sdn. Bhd.



Tetamu yang hadir telah dibawa ke Pusat Latihan Honda Malaysia untuk melihat fasiliti dan kemudahan yang digunakan untuk tujuan latihan.



MAJLIS PERASMIAN @POLYTECHNIC

Majlis perasmian AccountingFirm@Poly yang melibatkan 4 buah politeknik zon utara iaitu PSP, PTSB, PTSS dan POLIMAS. Penubuhan firma perakaunan di politeknik adalah untuk menyediakan *teaching factory* kepada pelajar-pelajar Diploma Akauntansi yang menjalani latihan industri pada semester 6.

Penubuhan firma perakaunan di politeknik adalah untuk menyediakan *teaching factory* kepada pelajar-pelajar Diploma Akauntansi yang menjalani latihan industri pada semester 6. Selaras dengan itu, diharap ia dapat meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan (GE) pelajar apabila pelajar latihan industri terus diserap ke firma pelanggan Saniza and Associates Sdn. Bhd.



YB Dr. Afif bin Bahardin menandatangani plag perasmian Accountingfirm@Polytechnic

Premis Saniza & Associates @ PSP yang akan mula beroperasi pada Disember 2018.



MALAM ANUGERAH YOUNG SOCIALPRENEUR PROGRAMME 2.0 2018

Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, khususnya Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti, Malaysia Polytechnic Entrepreneurship Centre (MPEC), PKT Logistics Groups Sdn. Bhd., Proguard dan Perfect Biz Advisory Group telah menganjurkan Malam Anugerah Young Socialpreneur Programme 2.0 (YS2P) 2018 pada 17 Oktober 2018 bertempat di Hotel Vistana, Kuantan. Majlis disempurnakan oleh YBhg. Prof. Dato' Ts. Dr. Mohd Ismail bin Abd Aziz, Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti. Turut hadir ialah Yang Berbahagia Dato' Michael Tio, Group Chief Executive and Managing Director PKT Logistics Group Sdn. Bhd. serta Puan Norlida binti Abd. Razak, Pengarah Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan.

Malam Anugerah YS2P 2018 ini bertujuan untuk meraikan seramai 200 orang peserta dari politeknik Malaysia dan kolej komuniti yang berjaya meneruskan cabaran pertandingan hingga ke peringkat akhir merebut Anugerah YS2P 2018.



Majlis perasmian oleh YBhg. Prof. Dato' Ts. Dr.
Mohd Ismail bin Abd Aziz, Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej
Komuniti



Para pemenang Anugerah Young
Socialpreneur Programme 2.0

Young SocialPreneur Programme ini menggabungkan tiga konsep utama iaitu keusahawanan, keusahawanan sosial dan tanggungjawab sosial kepada komuniti. Ia bertujuan untuk membangunkan program keusahawanan pelajar dalam bentuk yang lebih berdaya saing sejajar dengan temanya iaitu “*Entrepreneurship for Sustainable Lifestyle*”.

Program Young Socialpreneur ini mampu mencetuskan minat keusahawanan di kalangan peserta dengan membangunkan projek atau program yang mampu memberi impak kepada kumpulan sasaran di samping pulangan yang memberangsangkan.



PROGRAM CSR HOME PRODUCT CENTER (M) SDN BHD BERSAMA JPPKK & KOLEJ KOMUNITI JEMPOL DI RUMAH JAGAAN BAITUL HIDAYAH

Program CSR Home Product Center (M) Sdn Bhd ini merupakan program julung kalinya diadakan antara bahagian Kolaborasi Industri & Komuniti (BKIK), Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) bersama pihak HOMEPRO. Program ini merupakan inisiatif BKIK dalam merealisasikan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia melalui program bercirikan *humanity touches the heart* dalam pelaksanaan program sahsiah pelajar kepada masyarakat setempat.

Program CSR ini dilaksanakan melalui pemberian sumbangan jubin dan bahan daripada pihak syarikat untuk 3 unit tandas. Manakala selaku tenaga kerja utama pemasangan jubin di kawasan lantai tandas dilakukan oleh pensyarah serta pelajar program sijil teknologi pembinaan bangunan Kolej Komuniti Jekebu.

Program CSR ini merupakan satu simbolik jalinan industri yang kukuh di antara pihak jabatan dan syarikat dalam merealisasikan impian komuniti serta masyarakat yang memerlukan bantuan dari sudut kepakaran kemahiran dari pelajar-pelajar di kolej komuniti.




Majlis penyerahan Projek CSR Home Product Center (M)
Sdn.Bhd

PENUTUP

Bahagian Kolaborasi Industri dan Komuniti telah melaksanakan pelbagai aktiviti bagi memastikan kolaborasi yang dijalinan dapat meningkatkan kebolehpasaran graduan pelajar politeknik dan kolej komuniti. Selain daripada itu, jalinan industri-akademia dapat memperluaskan akses kepada pendidikan sepanjang hayat dan latihan berkemahiran yang berkualiti tinggi kepada komuniti dan industri.

BAHAGIAN **KURIKULUM**



PENGENALAN

Bahagian Kurikulum (BK) adalah bahagian di bawah sektor akademik yang dianggotai oleh bilangan paling ramai staf akademik. Dengan pimpinan Puan Noor Aidi binti Nadzri sebagai Pengarah Bahagian, BK terbahagi kepada dua belas unit seperti berikut;

UNIT PENILAIAN DAN INOVASI KURIKULUM (UPK):
• Merancang dan memantau proses rekabentuk, pembangunan, semak semula dan penilaian kurikulum program pengajian • Merancang dan mengurus maklumbalas pemegang taruh seperti pensyarah, pelajar, alumni, majikan dan industri bagi tujuan penilaian dan penambahbaikan kurikulum • Merancang, mengurus dan membangunkan inovasi dalam kurikulum melalui pendekatan CDIO, Design Thinking dan iCGPA • Melaksanakan tugas-tugas keurusetiaan Lembaga Kurikulum Kursus Pengajian dan Program Politeknik Latihan Selaras dengan akta 550, 1996.
FUNGSI UNIT-UNIT BIDANG PENGAJIAN:
• Merancang dan mengurus pelaksanaan rekabentuk, pembangunan, semak semula dan penilaian kurikulum program pengajian • Merancang, membangun, mengurus, memantau dan menyelenggara silibus program pengajian • Merancang dan mengurus penyediaan norma dan senarai peralatan akademik berdasarkan keperluan kurikulum • Merancang penentuan bidang kepakaran pensyarah berdasarkan keperluan kurikulum • Merancang dan melaksanakan orientasi kurikulum program pengajian • Memudahcara proses artikulasi dan pemetaan kurikulum bagi tujuan pindahan kredit bagi program mobiliti pelajar dan pendidikan fleksibel
FUNGSI UNIT PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (KOLEJ KOMUNITI):
• Menterjemah konsep dan merancang program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) berdasarkan dasar PSH dan Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH) di institusi mengikut permintaan kumpulan sasaran • Merancang dan memantau proses rekabentuk, pembangunan, semak semula dan penilaian modul program pengajian PSH • Merancang, menyelaras dan mengurus pelaksanaan program PSH, PISH, program <i>upskilling</i> dan <i>reskilling</i> pekerja industri, program kolaborasi berbentuk latihan • Merancang dan mengurus pelaksanaan instrumen pemantauan melalui system ePSH bagi program PSH • Merancang dan mengurus pelaksanaan program PSH secara <i>stackable modules</i> berkredit yang dilaksanakan di Kolej Komuniti.

PROGRAM DAN AKTIVITI UTAMA




SEMAKAN SEMULA DOKUMEN KURIKULUM JUN 2014

Semakan semula dokumen kurikulum Jun 2014 merupakan proses penyemakan terhadap kurikulum program pengajian sedia ada bagi tujuan penambahbaikan dan keberkesanan kurikulum. Semakan dan pemurnian dokumen kurikulum bagi program pengajian di politeknik dan kolej komuniti dijalankan secara berkala iaitu di akhir setiap kitaran pengajian atau selewat-lewatnya satu tahun selepas satu kitaran program pengajian.

Walau bagaimanapun, ianya adalah tertakluk kepada perubahan semasa berdasarkan keperluan bidang, badan profesional dan pihak industri.

Bahagian Kurikulum sedang melaksanakan proses penyemakan dan pemurnian bagi dokumen kurikulum yang berkuatkuasa Jun 2014 bagi program pengajian di politeknik.

Garis Masa CQI bagi program pengajian politeknik





WORLD SKILLS ASEAN, BANGKOK 2018

Tujuh pelajar politeknik telah mewakili Malaysia ke pertandingan Worldskill Asean 2018 di Bangkok pada 20 Ogos hingga 4 September 2018 yang lalu.



BIL	NAMA PELAJAR	BIDANG	POLITEKNIK	NAMA JURULATIH
1	Muhammad Hasbul Arman Bin Azhar	Electronic	PSIS	1. En. Helmi Bin Jamaludin 2. En. Nasrul Azhan Bin Muuti
2	Mohd Daniel Shah Bin Nordin		PTSS	1. En. Muhammad Masri Bin Ahmad Tarmizi 2. En. King Diaw A/L Eh Sut
3	Sharifah Suhaila Binti Syed Mohamed Raffe	Graphic Design Technology	PIS	1. Pn. Nurulkusuma Binti Adnan 2. Pn. Rohaidah Binti Mohd. Yusoff
4	Meor Muhammad Kamal Bin Meor Muhammad Sulaiman	IT Network Administration	PUO	1. En. Mohd Assidiq Bin Che Ahmad 2. En. Mohd Adil Bin Mat Ti
5	Er Cao Yun	Industrial Automation (TEAM)	PSMZA	1. En Masrul Nizam Bin Mahmud 2. En. Mohd Fadrul Rizal Bin Ab Rahim
6	Muhammad Zulizlan Bin Samadiah			
7	Siti Nur Adlina Binti Kamaruzzaman	Restaurant Service	PTSS	1. Cik Nur Hidayah Bt Hassan 2. En. Saiful Bin Mohamed Shuib



MAJLIS ANUGERAH TANGAN EMAS PERDANA MENTERI, WORLDSKILLS MALAYSIA BELIA 2018 (WSMB), MITEC, KUALA LUMPUR

Majlis anugerah tersebut telah berlangsung pada 4 Oktober 2018, bertempat di MITEC, Kuala Lumpur. Pelajar daripada politeknik dan kolej komuniti telah memenangi beberapa kategori yang dipertandingkan. Syabas dan tahniah diucapkan kepada para pelajar dan jurulatih yang terdiri daripada kalangan pensyarah di atas penglibatan dan pencapaian yang sangat membanggakan.



*Electronics
Fashion Technology
Pastry*



*Brick Laying
Restaurant Service*




*Brick Laying
Restaurant Service
Graphic Design Technology
Decoration and Painting
IT Network Administration*



POLYSKILLS 2018

PolySkills 2018 telah dianjurkan pada 17 hingga 20 September 2018 di enam buah lokasi seluruh Malaysia. PolySkills 2018 mempertandingkan 26 bidang kemahiran. Pertandingan ini juga bertujuan bagi memilih peserta terbaik untuk mewakili politeknik Malaysia ke pertandingan Worldskills Malaysia Belia 2019. Pertandingan kemahiran ini telah menguji tahap kemahiran pelajar dalam menyelesaikan projek sehingga menghasilkan

produk dan dihakimi oleh juri-juri profesional. Pertandingan bagi tahun ini telah melibatkan penyertaan seramai 432 orang peserta, 26 orang ketua jurulatih pusat dan 354 orang jurulatih daripada 27 buah politeknik.



Pemenang anugerah utama


ANUGERAH	NAMA PESERTA	BIDANG	POLITEKNIK
JARI EMAS	Norazah binti Bujang	<i>Accounting</i>	PKS
TANGAN EMAS	Aiman bin Saharom	<i>Air Conditioning</i>	PUO
MINDA EMAS	Ainul Mahfuzah binti Rozman	<i>Floristry</i>	PNS



Pengarah JPPKK serta VIP bergambar bersama pemenang hadiah anugerah utama



Majlis penutup serta penyampaian hadiah kepada para peserta



PROGRAM LEARNING EXPRESS SOCIAL INNOVATION (LEX)

Program Learning Express (LeX) merupakan program inovasi sosial hasil dari Memorandum Persefahaman (MoU) yang telah ditandatangani antara Kerajaan Malaysia (diwakili oleh Jabatan Pendidikan Politeknik) dengan The Board of Governors of Singapore Polytechnic pada 24 April 2018. Program LeX yang akan dilaksanakan selama 3 tahun (2018-2020) ini mendapat dana dari Singapore Polytechnic. Dengan menggunakan pendekatan *Design Thinking*, para pelajar membangunkan produk,

sistem atau perkhidmatan yang berinovasi bagi membantu masyarakat setempat meningkatkan kegiatan ekonomi. Bagi tahun 2018, seramai 28 orang pelajar Politeknik Port Dickson (PPD) dan 28 pelajar Singapore Polytechnic (SP), serta enam orang fasilitator daripada PPD dan tiga orang fasilitator daripada SP telah berkampung di 3 penempatan di Port Dickson iaitu Kg Baru Si-Rusa, Kg Teluk Kemang dan Kg Bagan Pinang bagi memahami keperluan penduduk kampung dan bekerjasama menghasilkan solusi yang berinovasi. Prototaip yang dihasilkan oleh para pelajar akan dibangunkan dan diuji pada tahun 2019.



YAM Tunku Zain Al-'Abidin Ibni Tuanku Muhriz menyampaikan cenderamata kepada Ketua Kampung diringi YBhg. Prof. Dato' TS. Dr. Mohd Ismail bin Abd Aziz (Ketua Pengarah JPPKK), En Roslee Yahya (Pengarah PPD), dan Mr Goh Siak Koon (*Singapore Polytechnic*) semasa Majlis Perasmian Penutup LeX



Prototaip hasil projek inovasi pelajar LEX Kg Teluk Kemang:
Website, smart light



Prototaip hasil projek inovasi pelajar LEX Kg Si-Rusa: Website, Homestay signboard @SiRusa, Royalty Card, Brochure, House Rules, Experiential homestay



KP JPPKK dan Pengarah Politeknik Port Dickson bersama sebahagian daripada peserta LEX



Prototaip hasil projek inovasi pelajar LEX Kg Bagan Pinang:
Ploughing and fertilizing machine, pest pressure sensor with ultrasound speaker



FIRA MALAYSIA CUP 2018

Kejohanan 11th FIRA Malaysia Cup 2018 telah berlangsung pada 29 April hingga 3 Mei 2018, bertempat di Politeknik Mersing, Johor. Kejohanan kali ini melibatkan penyertaan seramai 445 orang pelajar politeknik dan pelajar sekolah seluruh negara. 6 kategori utama dipertandingkan iaitu *Hurocup*, *Robosot*, *Androsot*, *AIR Drone*, *Simurosot* dan *Mybot*. Pertandingan ini menggalakkan kemahiran dalam bidang *autonomous robot* yang merupakan salah satu teras utama Industri 4.0. Platform FIRA Malaysia Cup digunakan sebagai lapangan ujian kepada penyelidikan robotik yang telah dijalankan oleh pensyarah dan pelajar.



Pelajar politeknik (tengah) dan 2 orang pelajar sekolah dalam kategori Mybot.



23RD FIRA ROBOWORLD CUP 2018, TAICHUNG, TAIWAN (6 – 12 OGOS 2018)

Pasukan yang menjadi johan untuk setiap kategori dalam kejohanan 11th FIRA Malaysia Cup 2018 telah dipilih untuk mewakili negara ke Kejohanan 23rd FIRA Roboworld Cup 2018 yang telah diadakan di Feng Chia Universiti, Taichung, Taiwan pada 6 hingga 12 Ogos 2018.

Dalam penyertaan kejohanan di peringkat antarabangsa ini, tujuan utama adalah untuk berkongsi hasil penyelidikan dengan peserta dari negara-negara yang turut menyertai di samping dapat memastikan tahap penguasaan terhadap teknologi terutama dalam bidang “*Autonomous Robot*” dapat ditingkatkan di kalangan negara serantau. Selain itu, pelajar dapat menambah baik kemahiran insaniah dengan pergaulan sesama rakan peserta di peringkat antarabangsa. Penyertaan dalam program ini juga penting untuk memastikan Politeknik Malaysia sentiasa berada dalam kalangan ‘*Focus Group*’ penyelidikan *autonomous robot*.

Pada penyertaan kejohanan kali ini, pasukan Politeknik Malaysia yang terdiri dari 30 orang pelajar daripada 5 buah politeknik telah berjaya memenangi 9 pingat emas, 3 pingat perak dan 2 pingat gangsa.



Pasukan robotik Politeknik Malaysia selepas berakhir kejohanan
23rd FIRA Roboowrld Cup 2018



Pelajar memberi penerangan teknikal kepada Pengarah
Bahagian Kurikulum



Pelepasan pasukan robotik Politeknik Malaysia di KLIA sebelum
berlepas ke Taichung, Taiwan



Perkongsian maklumat dengan rakan peserta dari negara
Indonesia

Rumusan Pencapaian 11th FIRA Malaysia Cup 2018:

Penyertaan	Bilangan Peserta
23 Politeknik 27 Sekolah 1 Agensi	Pelajar – 337 orang Pegawai – 117 orang
Sesi Perkongsian Ilmu	Hasil Penyelidikan
Pembangunan perkakasan dan pengaturcaraan 'Autonomous Drone'. <i>Autonomous robot programming using Robot Operating System (ROS) environment.</i>	<i>Autonomous Algorithm Development</i> <i>Mobile Robot Design And Control</i> <i>Humanoid Robot</i> <i>Vision System Design</i>

Rumusan Pencapaian 23rd FIRA Roboworld Cup 2018:

Penyertaan	Pungutan Pingat
5 politeknik – PSIS, PSAS, PUO, POLISAS, PKK 30 orang pelajar – DEE (8), DEP (11), DET (5), DTK (1), DEM (4), DDT (1)	EMAS – 9 PERAK – 3 GANGSA – 2

KARNIVAL PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT

Karnival Pembelajaran Sepanjang Hayat bersama Komuniti Simpang Renggam, Johor Darul Takzim telah dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dan Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT). Karnival ini juga turut disertai dan dianjurkan bersama oleh Majlis Daerah Simpang Renggam, Pejabat Ahli Parlimen Simpang Renggam dan Pejabat Pendidikan Daerah. Program ini telah dirasmikan oleh YB Menteri Pendidikan Malaysia.

Seramai seribu orang peserta yang terdiri dari komuniti Simpang Renggam, FELDA, Orang Asli, pelajar lepasan SPM, pelajar tingkatan 4 dan 5 serta ahli PIBG dan guru-guru telah terlibat dengan program ini.



YB Menteri Pendidikan bersama Pengarah JPPKK, wakil-wakil komuniti Simpang Renggam serta pelajar yang menerima bantuan kewangan pelajar Kolej Komuniti



YB Menteri Pendidikan Malaysia bersama wakil institusi bergambar bersama seluruh peserta dan komuniti Simpang Renggam diakhir program

RINGKASAN OBJEKTIF PROGRAM

- Menyebar luas peluang pendidikan tinggi
- Platform hebahan program PSH
- Didik dan pupuk calon SPM, ibu bapa melalui PIBG dan masyarakat mengenai permohonan pendidikan tinggi
- Meningkatkan kemahiran belia dan komuniti Simpang Renggam

AKTIVITI-AKTIVITI PROGRAM

- Taklimat kemasukan kepada 700 orang pelajar
- Perkongsian kejayaan TVET dan inspirasi daripada alumni MTUN/Politeknik dan Kolej Komuniti
- 15 kursus pendek selama empat jam kepada 300 orang peserta
- Pameran pendidikan daripada UA/MTUN, Politeknik, Kolej Komuniti, ILKA, PTPTN dan MQA. Tawaran terus oleh Politeknik dan Kolej Komuniti kepada calon (ambilan Disember 2018)


IMPAK

- Peningkatan kemahiran (*upskill/reskill*) komuniti Simpang Renggam
- Peningkatan bilangan permohonan
- Peningkatan kesedaran kepada pemohon, ibu bapa/penjaga
- KPM khususnya Politeknik dan Kolej Komuniti lebih dikenali

PENUTUP

Aktiviti dan program yang telah dirancang sepanjang tahun 2018 oleh Bahagian Kurikulum telah berjaya direalisasikan dengan kerjasama setiap warga dan ahli-ahli daripada institusi politeknik dan kolej komuniti. Kejayaan ini telah memberi impak yang besar khususnya kepada Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti dan cabaran ini akan diteruskan lagi bagi tahun 2019 demi merealisasikan misi jabatan untuk menjadi institusi TVET premier yang diterajui industri.

BAHAGIAN PEPERIKSAAN & PENILAIAN



PENGENALAN

Bahagian Peperiksaan dan Penilaian (BPN), Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti terdiri daripada tiga (3) unit iaitu Unit Penilaian, Unit Data dan Persijilan serta Unit Pengiktirafan PSH. Fungsi-fungsi setiap bahagian adalah seperti berikut;



UNIT DATA DAN PENSIJILAN

1

Merancang dan mengurus penganugerahan pensijilan program pengajian

2

Merancang, membangun, mengurus dan menyelenggara sistem dan aplikasi pengurusan data berkaitan peperiksaan

3

Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas keurusetiaan Lembaga Peperiksaan dan Penganugerahan Sijil/Diploma Politeknik selaras dengan Akta 550 1996

4

Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas keurusetiaan Jawatankuasa Peperiksaan dan Penganugerahan Sijil / Diploma Kolej Komuniti



PROGRAM DAN AKTIVITI UTAMA



PENJENAMAAN SEMULA iCGPA KEPADA InSan

iCGPA merupakan sistem atau mekanisme pentaksiran dan pelaporan mengenai peningkatan dan pembangunan bersepadu pelajar. Namun begitu, pada mesyuarat pengurusan JPPKK Bil. 2/2018 pada 17 Ogos 2018 telah bersetuju agar pelaksanaan *Integrated Cumulative Grade Point Average* (iCGPA) diteruskan dan dijenamakan semula sebagai *Integrated Student Attribute Performance* (InSan). Surat pemakluman telah diedarkan ke politeknik dan kolej komuniti pada 9 Oktober 2018.



Pada 17 Ogos 2018 iCGPA dijenamakan semula sebagai *Integrated Student Attribute Performance*



PEMBANGUNAN DATA INPUT SISTEM APLIKASI PEPERIKSAAN TAHUN 2018

Pembangunan sistem aplikasi pengurusan peperiksaan ini merupakan satu keperluan pada masa ini bagi memastikan pengurusan data dan pengurusan penilaian pelajar di semua kolej komuniti lebih efektif, seragam, sistematik dan selamat. Bagi membangunkan input sistem aplikasi peperiksaan tahun 2018, Bahagian Peperiksaan dan Penilaian telah mengadakan bengkel yang dilaksanakan secara berfasa mengikut negeri di mana ia telah melibatkan 9 siri secara keseluruhannya bermula 6 September 2018 sehingga 13 November 2018.



Bengkel Pembangunan Input Sistem Aplikasi Peperiksaan Tahun 2018 yang telah dilaksanakan

SIRI	NEGERI	BILANGAN KOLEJ KOMUNITI	KOLEJ PENGELOLA	TARIKH
1	PERAK	12	CHENDEROH	6-8 SEPT 2018
2	SELANGOR & NEGERI SEMBILAN	14	KELANA JAYA	20-22 SEPT 2018
3	JOHOR	12	BPN	28-30 SEPT 2018
4	PERLIS, KEDAH & PULAU PINANG	13	BANDAR DARUL AMAN	14-16 OKT 2018
5	SABAH	7	BEAUFORT	19-21 OKT 2018
6	MELAKA	6	MASJID TANAH	28-30 OKT 2018
7	TERENGGANU & KELANTAN	6	KUALA TERENGGANU	3-5 NOV 2018
8	SARAWAK	6	KUCHING	8-10 NOV 2018
9	PAHANG	9	PEKAN	11-13 NOV 2018



**MESYUARAT LEMBAGA PEPERIKSAAN, PENILAIAN DAN
PENSIJILAN POLITEKNIK DAN MESYUARAT JAWATANKUASA
PEPERIKSAAN PUSAT KOLEJ KOMUNITI, KEMENTERIAN
PENDIDIKAN MALAYSIA 2018**

Mesyyarat Lembaga Peperiksaan, Penilaian dan Pensijilan Politeknik serta Mesyyarat Jawatankuasa Peperiksaan Pusat Kolej Komuniti dilaksanakan dua kali setahun untuk mengesahkan lulasan politeknik dan kolej komuniti. Mulai tahun 2019, kedua-dua mesyyarat ini akan disatukan supaya Ahli Lembaga Peperiksaan Politeknik dan Panel Luar Jawatankuasa Peperiksaan Pusat Kolej Komuniti dapat sama-sama memberi impak positif kepada sistem pendidikan politeknik dan kolej komuniti.

Jumlah keseluruhan graduan politeknik dan kolej komuniti yang telah disahkan oleh Lembaga Peperiksaan, Penilaian dan Pensijilan Politeknik dan Jawatankuasa Peperiksaan Pusat Kolej Komuniti pada tahun 2018 adalah seramai 41,387 graduan yang meliputi graduan sarjana muda, diploma lanjutan, diploma, sijil khas dan sijil kemahiran.

**LULUSAN
2018**

41387

31238

lulasan
politeknik

10149

lulasan kolej
komuniti

**Pencapaian Keseluruhan Pelajar Lulus Penuh
Mengikut Tahap Pengajian**

Tahap Pengajian	Lelaki	Perempuan	Keseluruhan
Sarjana Muda	108	84	192
Diploma	15,300	15,645	30,945
Sijil Khas	54	47	101
Jumlah	15,462 (49.5%)	15,776 (50.5%)	31,238

Politeknik

Tahap Pengajian	Lelaki	Perempuan	Keseluruhan
Diploma	108	85	193
Sijil	5,571	4,385	9,956
Jumlah	5,679 (55.96%)	4,470 (44.04%)	10,149

Kolej Komuniti



Ahli Lembaga Peperiksaan, Penilaian dan Pensijilan Politeknik
2018



Mesyuarat Jawatankuasa Peperiksaan Pusat Kolej Komuniti
2018



MAJLIS KONVOKESYEN KOLEJ KOMUNITI TAHUN 2018

Majlis konvokesyen kolej komuniti tahun 2018 melibatkan 89 buah kolej komuniti dengan 10432 orang jumlah lulusan seluruh Malaysia. Majlis konvokesyen telah dilaksanakan mengikut negeri atau gabungan negeri dengan tujuan mengoptimumkan perbelanjaan, pelaksanaan gerak kerja jawatankuasa yang efisien dan memupuk hubungan kerja yang baik di kalangan ahli jawatankuasa.

8 majlis konvokesyen telah berjaya dilaksanakan oleh jawatankuasa pelaksana yang telah dilantik mengikut negeri / gabungan negeri. Pengurusan majlis konvokesyen perlu dirancang dengan teliti oleh pihak jawatankuasa yang telah dilantik, dibantu dengan beberapa penyelarasan yang telah ditetapkan di peringkat jabatan bertujuan memudahkan pengurusan kewangan dan perjalanan majlis yang seragam dan selaras.



Jumlah keseluruhan graduan politeknik dan kolej komuniti yang telah disahkan oleh Lembaga Peperiksaan, Penilaian dan Pensijilan Politeknik dan Jawatankuasa Peperiksaan Pusat Kolej Komuniti pada tahun 2018 adalah seramai 41,387 graduan yang meliputi graduan sarjana muda, diploma lanjutan, diploma, sijil khas dan sijil kemahiran.



Majlis Konvokesyen Kolej Komuniti Negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan



Majlis Konvokesyen Kolej Komuniti Negeri Johor



Majlis Konvokesyen Kolej Komuniti Negeri Sabah




BENGKEL TRAINING OF TRAINERS (ToT) : MASTER TRAINER PEMBINAAN ITEM BERKUALITI

Master trainer pembinaan item berkualiti politeknik berperanan sebagai fasilitator atau pakar rujuk dalam kalangan pensyarah. Pelantikan *master trainer* ini adalah untuk melatih pensyarah-pensyarah politeknik mengenai teknik dan kemahiran dalam pembinaan item yang berkualiti serta memastikan semua pensyarah memahami pengetahuan dalam membina item dan peraturan pemarkahan yang tepat.

Bagi mencapai hasrat ini, satu bengkel *Training of Trainers (ToT) : Master Trainer* pembinaan item berkualiti politeknik telah diadakan pada 21-23 Oktober 2018 di Hotel Seri Petaling, Kuala Lumpur dengan objektif utamanya untuk memberi pengetahuan dan latihan tentang teknik dan kemahiran dalam menghasilkan item berkualiti kepada *Master Trainer* yang baru.




Bengkel *Training of Trainers (ToT) : Master Trainer* Pembinaan Item Berkualiti Politeknik



PENUTUP

Setiap aktiviti / bengkel yang telah dijalankan adalah bagi memastikan pengurusan data dan penilaian pelajar lebih efektif, sistematik, seragam dan selamat. Melalui perbengkelan juga, pensyarah-pensyarah dapat lebih memahami dan mengetahui kaedah terbaik dalam membina item soalan supaya soalan yang dihasilkan adalah berkualiti dan bermutu tinggi.

BAHAGIAN
**INSTRUKSIONAL &
PEMBELAJARAN
DIGITAL**



PENGENALAN

Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital (BIPD) mempunyai tiga (3) unit iaitu Unit Instruksional, Unit Pembelajaran Digital dan Unit Naziran. Ketiga-tiga unit ini mempunyai fungsi dan skop kerja yang berbeza. Unit Instruksional berfungsi untuk:

- i. Membangun dan menyemak semula dasar dan garis panduan yang memandu pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran program pengajian politeknik dan kolej komuniti.
- ii. Memberi khidmat nasihat kepada pemimpin instruksional berkaitan pengajaran dan pembelajaran di institusi.
- iii. Mengurus dan menyelaraskan pengurusan sistem dan aktiviti akademik dalam menyokong pelaksanaan kurikulum program pengajian.
- iv. Merancang dan mengurus pembangunan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran program pengajian.

Manakala Unit Pembelajaran Digital berfungsi sebagai:

- i. Membangun dan menyemak semula dasar dan garis panduan yang memandu pelaksanaan pembelajaran digital dalam program pengajian politeknik dan kolej komuniti.
- ii. Merancang, melaksana dan memberi khidmat runding serta bimbingan berkaitan teknologi pembelajaran digital.
- iii. Merancang, membangun mengurus dan memberi bimbingan pelaksanaan sistem-sistem berkaitan pembelajaran di institusi.
- iv. Merancang dan mengurus pembangunan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran digital program pengajian.
- v. Merancang, mengurus menilai dan memantau pengurusan dan pembangunan kemudahan ruang pembelajaran abad ke-21 serta penggunaannya dalam proses instruksional di institusi.
- vi. Merancang, membangun, mengurus, memantau dan menyenggara perkakasan dan perisian multimedia termasuk bahan dan arkib bagi menyokong pembelajaran digital.

Selain itu, Unit Naziran adalah satu unit baharu yang telah diwujudkan di BIPD dan berfungsi sebagai:

- i. Merancang dasar/garis panduan dan pengurusan operasi naziran, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dan pelaksanaan aktiviti sokongan instruksional bagi program di pengajian politeknik dan kolej komuniti.
- ii. Melaksanakan pemantauan pengurusan dan penyampaian pengajaran dan pembelajaran di institusi dalam mematuhi dasar/polisi/garis panduan/surat arahan yang berkuatkuasa.
- iii. Menganalisa dapatan naziran, mengenal pasti keperluan pelaksanaan instruksional di institusi dan mengemukakan laporan kepada pihak yang berkaitan.
- iv. Menganalisa dapatan naziran, mengenal pasti keperluan pelaksanaan instruksional di institusi dan mengemukakan laporan kepada pihak yang berkaitan serta merangka dokumen kerjasama, persefahaman dan perjanjian di peringkat global.

PROGRAM DAN AKTIVITI UTAMA



MESYUARAT TIMBALAN PENGARAH (AKADEMIK) POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI BIL. 1/2018

Mesyuarat Timbalan Pengarah (Akademik) telah diadakan pada 11–15 November 2018 bertempat di Hotel Lexis, Port Dickson, Negeri Sembilan. Mesyuarat tersebut dibahagikan kepada dua (2) iaitu Mesyuarat Timbalan Pengarah (Akademik) kolej komuniti dan Mesyuarat Timbalan Pengarah (Akademik) politeknik.

Objektif Program:

1. Menyediakan platform bagi membincangkan isu-isu akademik di institusi.
2. Menyampaikan input dan informasi setiap bahagian sektor akademik khususnya, JPPKK amnya.
3. Wadah perkongsian maklumat dan informasi antara institusi.
4. Mengeratkan silaturahim dan jaringan kolaborasi antara institusi.

Mesyuarat ini merupakan salah satu platform yang membantu institusi dalam menzahirkan misi, visi JPPKK dengan menyelaraskan input dan informasi daripada Sektor Akademik khususnya. Semua pengumpulan dan maklum balas isu akademik yang dibincangkan dengan semua Timbalan Pengarah (Akademik) dikira sebagai satu langkah penyelesaian masalah yang dihadapi terutama dari segi isu akademik yang melibatkan kurikulum, peperiksaan dan penilaian juga isu instruksional dan pembelajaran digital. Jika isu bukan berkaitan akademik, isu berkenaan akan dipanjangkan kepada pihak/bahagian lain yang berkenaan. Wadah perkongsian ini perlu diteruskan dalam memastikan kesinambungan informasi yang seragam dalam pengurusan akademik di semua institusi.

Jumlah Peserta:

Kolej Komuniti : 93 Orang TP(A)/TP/Wakil

Politeknik : 36 Orang TP(A)/TP/Wakil

JPPKK : 74 Orang dari BK, BIPD dan BPN

VVIP : Dato' KP (Perjumpaan dengan semua TP(A)/TP)

VIP : PKA dan Pengarah Sektor Akademik



YBhg. Dato' KP bersama semua TP(A) politeknik dan kolej komuniti



PEMBANGUNAN BAHAN PDP PROGRAM PELANCONGAN DAN PENGEMBARAAN KOLEJ KOMUNITI MENGGUNAKAN VIDEO VR360

Video VR360 merujuk kepada kandungan yang berbentuk realiti maya yang boleh menjana imej, bunyi dan sensasi realistik yang seakan-akan dunia sebenar. Dengan menggunakan video VR360 pelajar-pelajar akan dapat belajar di dalam suasana yang lebih imersif di samping merasai pengalaman aktiviti rekreasi yang sebenar. Bahan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) berbentuk video VR360 boleh diguna dalam pelbagai aktiviti khususnya dalam proses PdP. Penggunaan teknologi VR360 dapat memberi impak yang positif kepada tahap pembelajaran dan pemahaman pelajar di samping dapat mempelbagaikan aktiviti pembelajaran dan merupakan pendekatan baharu yang positif di dalam PdP. Minat pelajar semasa melakukan aktiviti pembelajaran dapat ditingkatkan dengan menggunakan video VR360 dan ianya boleh dipraktikkan berkali-kali sehingga pelajar benar-benar menguasai topik yang dipersembahkan.

Menyedari kepentingan untuk menyediakan bahan PdP yang berkualiti, Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital (BIPD) telah mengambil inisiatif untuk membangunkan satu siri video VR360 untuk digunakan dalam aktiviti PdP bagi Program Pelancongan dan Pengembaraan Kolej Komuniti.

Dalam usaha membangunkan video VR360 tersebut, satu bengkel telah dianjurkan oleh BIPD yang telah berlangsung pada 24 hingga 26 Oktober 2018 di sekitar Taman Negeri Royal Belum, Perak. Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk mempelajari teknik rakaman video menggunakan teknologi VR360 yang boleh diguna untuk membangunkan bahan PdP bagi program pelancongan dan pengembaraan kolej komuniti.

Seramai 20 orang peserta telah terpilih untuk menyertai bengkel ini yang terdiri daripada pegawai-pegawai JPPKK serta beberapa orang pensyarah bidang pelancongan kolej komuniti dan politeknik. Aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan di dalam bengkel ini adalah seperti pendedahan kepada teknik dan peralatan rakaman video VR360 serta perbincangan dan sumbang saran bagi menghasilkan skrip dan *storyboard*. Di samping itu peserta juga didedahkan dengan pengalaman rakaman video VR360 secara praktikal bagi aktiviti-aktiviti pelancongan dan pengembaraan



Video VR360 yang telah dihasilkan adalah terdiri daripada topik-topik berikut:

- i. Jejak rimba
- ii. Konservasi
- iii. Eko pelancongan
- iv. Aktiviti tali tinggi
- v. Pengenalan kepada taman negeri Royal Belum, Perak

Adalah diharapkan video VR360 yang telah dihasilkan ini akan memberikan banyak manfaat kepada pelbagai pihak khususnya para pelajar program sijil pelancongan dan pengembaraan kolej komuniti. Pada masa akan datang pihak BIPD bercadang untuk membangunkan lebih banyak bahan-bahan PdP yang berkualiti demi menghasilkan pembelajaran yang lebih bermakna kepada para pelajar politeknik dan kolej komuniti.



Paparan *Screenshot* bagi Video VR360 yang dihasilkan



Persediaan Rakaman Topik Jejak Rimba



Persediaan Rakaman Topik Aktiviti Tali Tinggi



Rakaman Aktiviti Tali Tinggi



Penyuntingan Video VR360



MAJLIS ANUGERAH PEMBELAJARAN DIGITAL CIDOS INSPIRING LEARNING AWARDS 2018 (eDOLA2018)

Majlis CIDOS Inspiring Learning Awards 2018 atau lebih dikenali sebagai eDOLA 2018 telah berlangsung dengan jayanya di Bora Ombak, Putrajaya pada 14 November 2018 yang lalu.

Majlis ini telah dihadiri oleh Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, YBhg. Prof. Dato' Ts. Dr. Mohd Ismail Bin Abd Aziz sebagai tetamu kehormat.

Pertandingan eDOLA2018 melibatkan 7 kategori, iaitu :

eMicro Content Competition (eMCC)

eMCC mempe rlihatkan hasil video Pendek Pengajaran dan Pembelajaran yang dihasilkan oleh pelajar mengikut kategori bagi Video Animasi, Video *Niche Area* dan Video *Non-Niche Area*.

TeCCInnovator

TeCCInnovator mempertandingkan amalan terbaik Pengajaran dan Pembelajaran dalam persekitaran TeCC dan mempunyai 3 kategori iaitu *Best TeCC (Management)*, *Best Educator* dan *Best Student Group*.

MOOC Master Competition

MOOC MASTER pula mempertandingkan rekabentuk ke semua platform MOOC yang dibangunkan oleh 18 buah Politeknik Malaysia 2018.

The International TVET eConvergence

TVET eConvergence adalah pertandingan video perkongsian idea dan amalan-amalan terbaik di Politeknik Malaysia.

TVET Tunes Competition

TVET Tunes adalah pertandingan yang merupakan gabungan teknik nyanyian beserta kandungan kurikulum secara acapella. Video nyanyian yang dihasilkan ini berunsurkan Pengajaran dan Pembelajaran melalui penggunaan aplikasi *Acapella*.

PoliTV Prize

PoliTV adalah saluran informasi Digital Politeknik Malaysia. Pertandingan ini mempertandingkan berita terbaik 2018 dan pelapor terbaik PoliTV 2018.

I am TVET Digital Photography

I am TVET Digital Photography adalah pertandingan untuk memberi inspirasi kepada warga Politeknik dan Kolej Komuniti mengenai maksud dan peranan TVET (Technical Vocational Education Training) dalam pembangunan negara.

Sejarah terukir apabila baju tema eDOLA turut diperkenalkan julung kalinya dalam eDOLA 2018. Baju yang membawa tema *Industrial Revolution 4.0* (IR 4.0) bercirikan *Internet of Thing* (IoT) merupakan cetusan idea kreatif daripada pelajar dan pensyarah Sijil Fesyen dan Pakaian, Kolej Komuniti Arau, Perlis.



Baju Tema eDOLA
2018 – Hasil
Kreatif dari Kolej
Komuniti Arau,
Perlis

eDOLA 2018 juga menampilkan penyertaan sulung dari Kolej Komuniti Malaysia tetapi terhad kepada Pertandingan I am Tvet Digital Photography sahaja. Ianya merupakan langkah pertama BIPD sebagai pihak penganjur dalam menyebarkan luas pembudayaan pembangunan bahan *eLearning* ke Kolej Komuniti.

Kejutan juga telah berlaku apabila pemenang keseluruhan eDOLA 2018 atau The Best Digital Learning Achievement Awards 2018 melalui Politeknik eLearning Ranking System (PeLARAS) telah dimenangi oleh Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS). Anugerah tersebut telah dimenangi oleh Politeknik Ungku Omar (PUO) untuk 3 tahun berturut-turut sebelum ini.

Pencapaian ini juga menunjukkan bahawa berlakunya peningkatan kemahiran penghasilan bahan e-kandungan secara menyeluruh di kesemua 36 buah Politeknik Malaysia.


PENUTUP

Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital (BIPD) telah melaksanakan pelbagai aktiviti pada tahun 2018. Aktiviti-aktiviti tersebut telah dirancang dan dilaksanakan selaras dengan fungsi BIPD terutamanya bagi menjamin kualiti dan keberkesanan sistem penyampaian PdP di Politeknik dan Kolej Komuniti. Penghargaan juga harus diberikan kepada pegawai-pegawai BIPD yang telah bertungkus-lumus di dalam menjalankan tugas sepanjang tahun 2018. Adalah diharapkan agar BIPD akan terus cemerlang di masa hadapan demi memartabatkan mutu pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti.



The Best Digital Learning Achievement Awards 2018 telah
imenangi oleh POLISAS


BAHAGIAN
**KOMPETENSI &
PENINGKATAN
KERJAYA**



PENGENALAN

Sejak 16 April 2018, Bahagian Kecemerlangan Profesional (BKPro), Jabatan Pendidikan Politeknik (JPP) telah diterajui oleh Encik Mohamad Isa Bin Azhari, selaku Pengarah baharu yang menggantikan Tuan Haji Mohamad Amin Bin Hamat, yang bertukar sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) di Jabatan Pendidikan Politeknik. Penggabungan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti di bawah satu jabatan iaitu Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti pada Mei 2018 juga telah mengubah nama BKPro kepada Bahagian Kompetensi dan Peningkatan Kerjaya (BKPK). BKPK merangkumi 4 unit utama iaitu Unit Pembangunan Profesional, Unit Pembangunan, Unit Kompetensi dan Unit e-SIS.


Pelbagai aktiviti dan pencapaian yang telah berjaya dilaksanakan oleh BKPK sepanjang tahun 2018. Unit Kompetensi memfokuskan latihan dan aktiviti yang berbentuk latihan peningkatan profesional dan pembangunan modal insan dalam memperkukuhkan laluan kerjaya PPPT seperti *Career Pathway and Competency Matrix* (CPCM), Program Pembangunan Kemahiran (PPK), *Multiskilling*, *Profesional Industrial Certificate*, Kursus Kepimpinan Instruksional dan Pembangunan Andragogi (KIPA), dan lain-lain. Unit Pembangunan Bakat dan Unit Pembangunan Profesional memfokuskan kepada peningkatan dan laluan kerjaya PPPT termasuklah permohonan pemangkuhan, penempatan dan penambahbaikan Skim DH.



PROGRAM DAN AKTIVITI UTAMA

PROGRAM PENINGKATAN KOMPETENSI 2018

Program peningkatan kompetensi bertujuan bagi memastikan tenaga pengajar di politeknik dan kolej komuniti diberi latihan yang dapat memenuhi keperluan program dan bidang di institusi. Carta di bawah memperincikan pelbagai program peningkatan kompetensi yang telah dilaksanakan BKPK sepanjang 2018.



Peserta bengkel sedang mendengar taklimat yang disampaikan oleh pegawai dari Bahagian Pengurusan sumber Manusia, KPM (PT) mengenai penyediaan MyPortfolio.




LATIHAN PENINGKATAN KOMPETENSI AKADEMIK

JENIS – JENIS KELULUSAN MELANJUTKAN PENGAJIAN – CIRI DAN PERINGKAT PENGAJIAN

KATEGORI	CIRI	PERINGKAT PENGAJIAN
KATEGORI 1 SHLP CBBPDBKP (1&2) SHLP CBBPDB (3 - 5) SHLP CBBPTB (3 - 4)	- Sepenuh masa - Bergaji penuh - Dengan biasiswa / tanpa biasiswa	1. Diploma 2. Ijazah Sarjana Muda 3. Sarjana 4. Doktor Falsafah 5. Advance Diploma
KATEGORI 2 CB5G (2) CBTG (3 - 4)	- Sepenuh masa - Separuh gaji / tanpa gaji	2. Ijazah Sarjana Muda 3. Sarjana 4. Doktor Falsafah
KATEGORI 3 SHLPSB	- Separuh masa (part time) - Tanpa cuti - Hanya yuran pengajian sahaja yang ditaja	3. Sarjana 4. Doktor Falsafah
KATEGORI 4 PJJ / CKS	- Separuh masa (part time) - Layak memohon CTR (cuti tanpa rekod) dari KJ	2. Ijazah Sarjana Muda 3. Sarjana 4. Doktor Falsafah

STATISTIK DATA MELANJUTKAN PENGAJIAN 2018 JPPKK, POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



AKTIVITI PEMBANGUNAN BAKAT DAN PEMBANGUNAN PROFESIONAL

STATISTIK BILANGAN PPPT YANG BERJAYA DALAM KENAIKAN PANGKAT MENGIKUT GRED

GRED KENAIKAN PANGKAT	TAHUN KENAIKAN PANGKAT (JULAI 2018)										JUMLAH
	2008/ 2009	2010/ 2011	2011/ 2012	2010/ 2012	2012/ 2013	2013/ 2014	2014/ 2015	2015/ 2016	2016/ 2017	2017/ 2018	
DH 32	-	195	155	-	46	24	31	79	13	-	543
DH 34	-	55	12	-	15	19	60	76	22	-	259
DH 42	-	112	189	-	82	36	75	89	39	-	622
DH 44	224	1,381	2,195	15	1,169	616	488	528	375	-	6,991
DH 48	506	73	179	19	68	22	284	893	659	-	2,703
DH 52	60	19	203	-	149	12	41	73	54	-	611
DH 54	20	2	26	-	8	2	8	77	55	29	227
JUMLAH	810	1,837	2,959	34	1,537	731	987	1,815	1,217	29	11,956

*NOTA Pemakluman

JUSA C = 14 orang sejak 2008 hingga kini
 JUSA B = 2 orang sejak 2014 hingga kini

Warga PPPT telah menikmati kenaikan pangkat melalui Skim DH

WARNA - WARNI BAHAGIAN KOMPETENSI DAN PENINGKATAN KERJAYA **2018**



In-Country Program CPSC
bersama Politeknik Malaysia
pada 23 – 27 April 2018 di
Politeknik Kuching, Sarawak

Seramai 40 PPPT pengurusan
daripada Politeknik dan Kolej
Komuniti terlibat di dalam
program ini

KURSUS HEUTAGOGI EDUCATOR 4.0 2018

Seramai 200 PPPT telah dilatih di dalam
program ini. Fokus latihan adalah bagi
menambahbaik PdP PPPT bagi
mendepani generasi X,Y dan Z yang lebih
bersifat *self-directed learner*. Tenaga
pengajar terdiri dari pensyarah IPT yang
diselaraskan oleh PTPL, UKM




PENUTUP

Keseluruhannya, untuk tahun 2018, walaupun dengan dasar berhemah dan pengurangan bajet yang diarahkan oleh kerajaan, BKPK tetap dapat melaksanakan program dan aktiviti latihan peningkatan profesionalisme PPPT Skim DH dengan jayanya.

10

BAHAGIAN
**AMBILAN &
PEMBANGUNAN
PELAJAR**



PENGENALAN

Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar (BAPP) berperanan merancang hala tuju pengambilan pelajar termasuk pelajar antarabangsa berdasarkan unjuran enrolmen dan keperluan program pengajian, program pengambilan pelajar secara berpusat (tidak termasuk program PSH), menyenggara sistem aplikasi pengambilan pelajar serta merancang dan mengurus pengambilan pelajar, pendidikan dan latihan termasuk promosi, penawaran susulan, pertukaran antara institusi dan program, pemantauan serta kompilasi maklumat pengambilan pelajar bagi semua institusi.

BAPP juga berperanan merancang, mengurus dan menyelaraskan program kecemerlangan pelajar termasuk kebajikan, sukan, kesukarelawanan dan pembangunan sahsiah pelajar secara holistik termasuk pelajar antarabangsa. Selain itu, BAPP juga berperanan mengurus dan memantau penguatkuasaan peraturan-peraturan yang terkandung dalam Akta 174 bagi mengawal tata tertib pelajar, merancang dan mengurus program dengan kerjasama agensi juga bertanggungjawab sebagai urus setia yang berkaitan dengan pembangunan pelajar dari aspek sahsiah dan sukan.

BAPP turut berperanan dalam merancang, mengurus dan melaksanakan program pembangunan dan pembudayaan keusahawanan pelajar berdasarkan Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi. BAPP juga merancang dan mengurus program dengan kerjasama agensi dan bertanggungjawab sebagai urus setia untuk program dan aktiviti yang berkaitan dengan pembangunan keusahawanan. Selain daripada itu BAPP merancang dan mengurus program perhubungan dan rangkaian strategik dengan alumni bagi menyokong program kebolehpasaran dan program sumbangan balik kepada institusi.

PROGRAM DAN AKTIVITI UTAMA



PROMOSI DAN PENGURUSAN PENGAMBILAN PELAJAR TAHUN 2018

156 aktiviti promosi telah diadakan pada tahun 2018 bagi mempromosikan pengambilan pelajar politeknik dan kolej komuniti. Promosi yang telah dilaksanakan merangkumi program Karnival Pendidikan Tinggi Negara (KPTN), program 1Dream2U, program outreach dan juga hebahan di media sosial, media cetak dan media elektronik.

Matlamat dan objektif utama bertujuan mempromosikan politeknik dan kolej komuniti kepada calon pelajar sekaligus meningkatkan bilangan kemasukan pelajar ke politeknik dan kolej komuniti. Pengurusan pengambilan pelajar politeknik dan kolej komuniti turut memberi penekanan kepada pengurusan hal ehwal pelajar sebelum, semasa dan selepas pengambilan pelajar yang merangkumi siri bengkel dan mesyuarat yang melibatkan jawatankuasa teknikal dan pengaturcaraan daripada politeknik dan kolej komuniti seluruh Malaysia.

SESI PENGAJIAN



Jun, September dan Disember



Jun dan Disember

INFO RINGKAS: JUMLAH KEMASUKAN PELAJAR



23,756



10,052

*Data adalah sehingga ambilan Jun 2018 sahaja

Antara aktiviti promosi pengambilan yang telah dijalankan:



Hebahan iklan kemasukan ke politeknik dan kolej komuniti



Promosi dalam Program Malaysia International Sports & Fitness Fair 2018



PROGRAM CSR TVET BAKTI KOMUNITI JPPKK 2018

Sebanyak 30 buah rumah yang terlibat dengan bencana ribut telah dibaiki oleh Sukarelawan politeknik dan kolej komuniti secara berperingkat. Program ini merupakan program Tanggungjawab Sosial Koprat (CSR) tahunan yang dianjurkan oleh pihak bahagian dan telah berlangsung dari 29 September hingga 7 Oktober 2018. Lokasi pelaksanaan program adalah di sekitar Kangar, Perlis dan telah dirasmikan oleh Ts. Haji Mohammad Amin bin Hamat, Timbalan Ketua Pengarah (Governor) JPPKK. Ianya turut dijayakan oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN), Non-Government Organization (NGO), politeknik dan kolej Komuniti. Seramai 150 sukarelawan terlibat dalam program ini dengan peruntukan sebanyak RM 100,000.00 yang disumbangkan oleh PTPTN

FAKTA:

150 sukarelawan terdiri daripada Yayasan Sukarelawan Siswa Politeknik (YES) dan Briged Kesukarelawan Kolej Komuniti (BriSK).




Baik pulih bumbung rumah mangsa ribut



Penyerahan sumbangan kepada wakil penduduk

Antara matlamat pelaksanaan program ialah sumbangan ilmu dan kepakaran kepada komuniti setempat melalui pelbagai kerja baik pulih oleh para pelajar. Mendekatkan dan mendedahkan masyarakat setempat dengan institusi pendidikan TVET khususnya politeknik dan kolej komuniti sekali gus mempromosikan pendidikan di politeknik dan kolej komuniti sebagai peneraju TVET serta membantu meringankan beban bencana alam yang dihadapi oleh keluarga mangsa ribut di sekitar Kangar, Perlis.



PROGRAM AT4L

Program AT4L atau Altitude Training for Leadership Team - Mental and Physical Challenge 2018 telah berlangsung pada 18 hingga 21 Oktober 2018 bertempat di Taman Negara Kinabalu, Sabah. Program ini merupakan inisiatif Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP) bagi memperkasakan dan meningkatkan jati diri serta kepimpinan pelajar. Matlamat penganjuran program ini ialah sebagai platform kepada pemimpin pelajar agar seimbang jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial bertepatan dengan Falsafah Pendidikan Negara.

Pemilihan lokasi amat bertepatan bagi mencapai matlamat program latihan yang dapat mencabar mental dan fizikal 45 orang wakil Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP) dari kolej komuniti dan 15 orang pegawai di JPPKK. Program ini telah dirasmikan oleh Tuan Haji Wan Mohamad Nasir bin Wan Abdul Rahman, Pengarah Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar, JPPKK. Antara agensi yang terlibat dalam menjayakan Program AT4L ini ialah Sutera Sanctuary Lodge (SSL), Kinabalu Park dan Biro Tata Negara (BTN) Kundasang. Tahniah!



Berjaya menawan puncak Gunung Kinabalu



Pendakian menawan puncak Gunung Kinabalu



ASEAN BALING NATURE EXPLORACE 2018

Program yang bertemakan negara-negara ASEAN ini telah berlangsung dari 14 hingga 15 Julai 2018 bertempat di Kolej Komuniti Baling dan sekitar daerah Baling, Kedah dan telah dihadiri oleh seramai 750 orang dari seluruh Malaysia. Konsep program ASEAN@CAMPUS adalah berdasarkan *Advocacy, Engagement, Imparting Knowledge* dan *Visual Learning*. #ASEAN@Campus merupakan salah satu program #ASEAN@YourFingertips yang merupakan kesinambungan program-program ASEAN yang telah dilaksanakan melalui jalinan kerjasama antara JPPKK bersama cawangan antarabangsa, Jabatan Penerangan Malaysia sejak tahun 2016. Program ini terbahagi kepada dua kategori iaitu Explorace Challenge dan Baling Mountain Challenge. Kategori Explorace Challenge telah disertai oleh seramai 136 peserta (34 pasukan) dan setiap pasukan terdiri



Pendakian melalui curam sebelum tiba di puncak Gunung Kinabalu

daripada 2 lelaki dan 2 perempuan manakala bagi Baling Mountain Challenge telah disertai oleh seramai 250 orang peserta. Antara penglibatan agensi yang menjayakan program ini ialah Jabatan Penerangan Malaysia, agensi kerajaan negeri Kedah, kelab basikal Bayu Baling, komuniti daerah Baling dan kolej komuniti. Program ini telah dirasmikan oleh YB Simon Ooi Tze Min, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bakar Arang.

Antara aktiviti yang menguji kemahiran peserta di setiap check point:



Menangkap itik



Penyediaan rakit buluh



Berakit menyusuri sungai



CSR POLYTECHNIC INTERNATIONAL VOLUNTEERING: CLEAN & SAFE WATER FILTER SYSTEM & ENTREPRENEURSHIP

Program CSR Polytechnic International Volunteering: Clean & Safe Water Filter System & Entrepreneurship dianjurkan oleh JPPKK dengan kelolaan Politeknik Kota Bharu. Program ini menggabungkan pelbagai elemen yang memberikan nilai tambah dalam bidang tanggungjawab sosial korporat kepada masyarakat negara luar bagi melaksanakan matlamat pembangunan lestari modal insan tercapai.



Pemasangan penapis air bersih

Program yang disertai seramai 8 orang sukarelawan YES PKB telah berlangsung selama 5 hari bermula dari 26 hingga 30 April 2018 bertempat di kompleks pendidikan menengah Kampung Keh, Wilayah Kampot, Kemboja. Antara impak yang diperolehi daripada program ini ialah mengaplikasikan inovasi membina sistem penapisan air bersih oleh pelajar politeknik Malaysia.



GERAK USAHAWAN POLITEKNIK (GERAK 3.0)

GERAK 3.0 merupakan satu program memperkenalkan keusahawanan sebagai aktiviti utama yang perlu dipelajari, difahami dan dilaksanakan agar menjadi satu budaya atau cara hidup pelajar politeknik.

Program ini membantu menyelesaikan masalah keperluan air bersih kepada penduduk setempat serta pendedahan kepada pelajar untuk melaksanakan tanggungjawab sosial dan berpeluang untuk mempromosi dan memperluaskan bidang tujahan '*niche area*' politeknik dan kolej komuniti serta melahirkan semangat kerjasama dan kesukarelawanan dalam kalangan pelajar.

Program yang dirasmikan oleh oleh Ts. Haji Mohammad Amin bin Hamat, Timbalan Ketua Pengarah (Governan) JPPKK turut mendapat kerjasama daripada Kementerian Pendidikan Kemboja dan Majlis Tertinggi Pimpinan Umat Islam Kemboja (MAPIK).



Memberikan fokus dan peluang kepada semua siswa-siswi untuk melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti keusahawanan termasuk cara-cara perniagaan dilakukan serta pendedahan kepada kelebihan menjadi seorang usahawan. Program ini dilaksanakan secara kerjasama dengan agensi kerajaan, NGO dan dewan perniagaan seperti Magic, FAMA, KPDNHEP, Yayasan Enactus Malaysia dan Dewan Perniagaan Islam Malaysia.



Pelaksanaan adalah mengikut 5 zon bagi memudahkan pengurusan dan menjadikan aktiviti lebih bersifat tempatan. Tarikh dan tempat pelaksanaan seperti berikut:

Bil	Zon	Politeknik Tuan Rumah	Tarikh	Tempat
1	Tengah	Politeknik Sultan Idris Shah	24 - 26 September 2018	Kampus PSIS
2	Timur	Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin	30 Sept – 1 Oktober 2018	Kampus PSMZA
3	Selatan	Politeknik Merlimau	9 & 10 Oktober 2018	Kampus PMM
4	Utara	Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin	9 & 10 Oktober 2018	Kampus PTSS
5	Borneo	Politeknik Kuching	22-23 September 2018	Kuching Waterfront

ALUMNI KEUSAHAWANAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

NOORAMZAN BIN ADENAN

Graduan: Kolej Komuniti

2006 - Sijil Pelukis Pelan Senibina
(KK Kepala Batas)

2010 - Diploma Teknologi Senibina
(KK Jasin)

Perniagaan: TK Kanvas Sdn. Bhd.
(Entrepreneurs & Project Manager)

Pendapatan syarikat: RM 1 juta
setahun

Emel: nooramzan@tkkanvas.com



HAFIZA BINTI ABD HAMID

Graduan: Politeknik

Diploma Pengajian Perniagaan
(PSAS)

Perniagaan: HH Apparel Sdn. Bhd.
(Pengasas MINAZ)

Pendapatan syarikat: RM 1 juta
setahun

Emel: pija.minaz@gmail.com



PENUTUP

Pada tahun 2018, pelbagai program yang dianjurkan meliputi badan beruniform, sukan, kepimpinan, jati diri, sahsiah, keagamaan dan juga psikologi. Pelaporan ini merupakan bingkisan daripada keseluruhan program yang telah dilaksanakan pada tahun ini.


Bagi mendokong aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi), Lonjakan 1: Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang, pemimpin pelajar juga diberikan peluang dan peranan yang besar dalam memimpin program yang berimpak tinggi. Penglibatan pelajar serta tenaga pengajar di politeknik dan kolej komuniti banyak memberi sumbangan idea bagi menjayakan program pada tahun 2018.

Justeru, BAPP sentiasa komited dalam mempersiapkan pelajar dari perspektif jasmani, rohani, sahsiah dan psikologi melalui program yang dirancang bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam diri pelajar.

Terima kasih dan tahniah diucapkan kepada semua pelajar serta warga politeknik dan kolej komuniti yang telah bertungkus lumus dan bersama dengan BAPP menjayakan program di institusi bagi tahun 2018.



BAHAGIAN **KHIDMAT PENGURUSAN**



PENGENALAN

Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) berperanan dalam menjana tadbir urus kewangan, perkhidmatan, perolehan dan aset serta pentadbiran di jabatan dan institusi di bawahnya.

Selain itu, BKP turut berperanan penting dalam menyediakan sistem sokongan kepada pengurusan tertinggi untuk menjayakan visi dan misi Jabatan. Justeru itu, bagi merealisasikan visi dan misi jabatan, BKP dibahagikan kepada tiga seksyen utama iaitu:

Seksyen Kewangan dan Perolehan bertanggungjawab merancang dan menyelaraskan Anggaran Belanjawan Mengurus (ABM) Kewangan (B49) dan agihan perbelanjaan Peruntukan Pembangunan (P49) bukan fizikal di Jabatan dan institusi di bawahnya. Selain itu, seksyen ini juga berperanan menguruskan perolehan aset, inventori stor, urusan perolehan dan kontrak serta menyelaraskan Laporan JKPAK dan JPKA bagi Jabatan dan institusi di bawahnya.

Seksyen Pentadbiran dan Perkhidmatan bertanggungjawab dalam menyediakan khidmat dalam aspek pengurusan sumber manusia dan pentadbiran meliputi perkara-perkara seperti pengurusan cuti, pengurusan Prestasi dan Laporan Nilai Prestasi

Tahunan, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, pengurusan tanggung tugas Jabatan dan institusi dibawahnya, pelaksanaan urusan penempatan pegawai di Jabatan, rekod perkhidmatan dan gaji serta perancangan penstrukturan, permohonan dan pengisian jawatan di politeknik dan kolej komuniti. Selain itu, seksyen ini juga bertanggungjawab dalam menguruskan sistem pengurusan rekod, logistik, laporan kehadiran pegawai, kelulusan lawatan luar negara dan hal ehwal keselamatan serta kebersihan pejabat di Jabatan.

Seksyen ICT berperanan merancang, mengurus dan menyelenggara prasarana ICT di jabatan seperti memantau pelaksanaan Dasar Keselamatan ICT (DKICT), mengurus setia mesyuarat JPICT, memberi khidmat sokongan bagi sistem EgNet, eP, HRMIS, emel 1GovUC, Sistem Egsentrik. Selain itu, seksyen ini juga berperanan merancang, membangun dan menambah baik semua jenis aplikasi yang telah dibangunkan.

PROGRAM DAN AKTIVITI UTAMA



MESYUARAT JKPAK DAN JPKA

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan (JKPAK) dan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) merupakan salah satu mesyuarat utama yang dilaksanakan sebanyak 4 kali setahun. Perincian mesyuarat bagi tahun 2018 adalah seperti berikut:

Bil	Tarikh	Tempat
1	15 Januari 2018	Bilik Mesyuarat Utama, JPPKK
2	20 April 2018	Bilik Mesyuarat Utama, JPPKK
3	19 Julai 2018	Dewan Za'ba, KPM (SPT)
4	22 Oktober 2018	Dewan KKMM

Objektif mesyuarat JKPAK adalah untuk memastikan pengurusan aset dan stor di Jabatan serta institusi di bawahnya dilaksanakan secara cekap, teratur dan berkesan mengikut tata cara yang telah ditetapkan. Selain itu, objektif mesyuarat JPKA pula adalah untuk memantau prestasi belanja jabatan serta institusi di bawahnya agar mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Mesyuarat ini melibatkan semua pengarah bahagian di jabatan dan semua pengarah politeknik dan kolej komuniti seramai lebih kurang 146 orang dan dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Ketua Pengarah JPPKK.



Pengarah-Pengarah Institusi bergambar bersama Dato' Ketua Pengarah JPPKK selepas Mesyuarat JKPAK dan JPKA



myPERFORMANCE DAN myPORTFOLIO

myPerformance merupakan satu model pengurusan prestasi baharu perkhidmatan awam yang dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2020. Manakala, *myPORTFOLIO* pula merupakan salah satu dokumen yang menggantikan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKPA) 8/1991: Panduan Mengenai Manual Prosedur Kerja (MPK) dan Fail Meja (FM) dan PKPA 11/1991: Panduan Mengenai Tatacara Penggunaan Borang Tindakan Kerja (BTK). Tatacara penggunaan *myPORTFOLIO* ini telah diperkenalkan oleh Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) menerusi PKPA Bil.4 Tahun 2018: *myPORTFOLIO* Panduan Kerja Sektor Awam.

myPORTFOLIO digunakan sebagai garis panduan dalam menyediakan dokumen rujukan rasmi yang menjadi panduan kerja bagi sesuatu jawatan dalam sesebuah organisasi. Dalam usaha untuk memantapkan pelaksanaan panduan kerja ini, satu bengkel telah dilaksanakan bertujuan bagi menentukan Sasaran Kerja Utama (SKU) jabatan serta memberi penerangan mengenai tatacara penyediaan *myPORTFOLIO* kepada semua warga di jabatan dan agensi di bawahnya. Bengkel ini telah diadakan pada 10 dan 11 Oktober 2018 bertempat di Bilik Serbaguna, JPPKK melibatkan seramai 55 orang pegawai daripada jabatan serta dua (2) institusi di bawahnya daripada jabatan serta dua (2) institusi di bawahnya.



Peserta bengkel sedang mendengar taklimat yang disampaikan oleh pegawai dari Bahagian Pengurusan sumber Manusia, KPM (PT) mengenai penyediaan MyPortfolio.



PEMANTAUAN AKAUN AMANAH POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

Selepas penggabungan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti berkuat kuasa pada 16 Mac 2018, pemantauan akaun amanah politeknik dan kolej komuniti dilaksanakan bertujuan memberi pendedahan tentang proses pemantauan hasil akaun amanah yang dijalankan di institusi masing-masing. Dengan itu, satu bengkel pemantauan akaun amanah telah diadakan sebanyak dua (2) sesi yang mana sesi pertama telah diadakan pada 8 dan 9 Oktober 2018 bertempat di Politeknik Ungku Omar, Ipoh Perak yang melibatkan 31 buah institusi bagi zon utara dan timur, manakala sesi kedua bengkel ini telah diadakan pada 17 dan 18 Oktober 2018 bertempat di Kolej Komuniti Kuala Langat, Selangor melibatkan 35 buah institusi bagi zon tengah dan selatan.



Peserta sedang mendengar taklimat yang disampaikan oleh Penolong Pengarah Kanan, Unit Kewangan, JPPKK



BENGKEL DAN KURSUS PENGURUSAN

Bengkel Pengurusan Kontrak Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti telah dianjurkan bertujuan untuk memberi penerangan berhubung kaedah pengurusan kontrak berdasarkan pekeliling perbendaharaan yang berkuatkuasa. Bengkel ini telah diadakan pada 24 Oktober 2018 bertempat di Bilik Serbaguna, JPPKK melibatkan penyertaan 30 orang pegawai daripada 14 politeknik dan Kolej Komuniti zon tengah dan selatan.


Kursus Pengurusan Kenderaan bagi Penyelia Kenderaan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti telah dianjurkan bertujuan meningkatkan tahap pengetahuan penyelia kenderaan dalam menyelia kenderaan Jabatan serta mengetahui kaedah untuk menyelesaikan saman tertunggak. Bengkel ini telah diadakan pada 22 Oktober 2018 bertempat di Bilik Serbaguna, JPPKK melibatkan 50 Politeknik dan Kolej Komuniti zon utara, tengah dan selatan.

PENUTUP

Tahun 2018 merupakan tahun yang mencabar bagi BKP dalam mengendalikan hal ehwal pentadbiran, perkhidmatan, kewangan, perolehan, aset dan stor serta teknologi maklumat yang menuntut kecekapan dan ketangkasan semua kakitangan berikutan penggabungan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti. Namun begitu, bahagian ini telah berjaya melaksanakan peranannya melalui pengurusan aktiviti yang tersusun dan sistematik sehinggakan semua perancangan telah dapat dilaksanakan selari dengan sasaran yang telah ditetapkan.

UNIT

**KOMUNIKASI &
HUBUNGAN
KORPORAT**



PENGENALAN

Fungsi Unit Komunikasi dan Hubungan Korporat antaranya ialah;

Merancang dan mengurus bahan-bahan penerbitan jabatan sebagai sumber maklumat seperti video korporat jabatan, buku panduan komprehensif jabatan, direktori jabatan, laporan tahunan, buletin jabatan dan lain-lain bentuk penerbitan bagi tujuan mempromosikan jabatan

Merancang dan mengurus imej jabatan dan melaksanakan promosi melalui strategi perhubungan awam yang teratur

Merancang dan mengurus aktiviti promosi dan publisiti program pengajian di jabatan dan institusi.

Menguruskan perhubungan awam dan media dengan merancang strategi media dalam penyebaran maklumat menerusi liputan media/sidang media (*press conference*), menyediakan kenyataan akhbar (*press release*).

AKTIVITI PROMOSI DAN PUBLISITI

POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
Institusi **TVET** yang merealisasikan impian **ANDA**

**PERMOHONAN KEMASUKAN KE
POLITEKNIK & KOLEJ KOMUNITI
MELALUI**
www.politeknik.edu.my

**SEMAKAN KEPUTUSAN
SESI DISEMBER 2018
26 OKTOBER 2018**

**PENDAFTARAN PELAJAR
SESI DISEMBER 2018
2 DISEMBER 2018**

**HUBUNGI KAMI
03-88883837**

[kolejkomunitiHQ](https://www.facebook.com/kolejkomunitiHQ) [politeknik malaysia](https://www.facebook.com/politeknikmalaysia) [politeknik.edu](https://www.facebook.com/politeknik.edu)

e-poster bagi promosiambilan



PROMOSI DAN HEBAHAN DI MEDIA ELEKTRONIK

MEDIUM	SIARAN	BILANGAN	
		POLITEKNIK	KOLEJ KOMUNITI
TELEVISYEN	RTM	15	3
	TV3	5	3
	NT7	1	
	BERNAMA	8	1
	AL HIJRAH	1	
	UTUSAN	1	
	ASTRO PRIMA	1	
RADIO	POLI TV	1	
	ERA FM	1	
	988 FM	1	
JUMLAH		35	7



PROMOSI DAN HEBAHAN DI MEDIA SOSIAL

MEDIUM	BILANGAN	
ePOSTER	POLITEKNIK	KOLEJ KOMUNITI
	127	



MEDIA SOSIAL

JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



politeknik.edu	politeknikmalaysia	politeknikmalaysia
288,759	50,044	21,542
Kolejkomunitihq	kolejkomunitihq	kolejkomunitihq
288,759	50,044	21,542



PROMOSI DAN HEBAHAN DI MEDIA CETAK



AKHBAR	BILANGAN	
	POLITEKNIK	KOLEJ KOMUNITI
UTUSAN MALAYSIA	36	1
SINAR HARIAN	59	5
BERITA HARIAN	21	8
HARIAN METRO	18	1
BERNAMA	2	
SABAH (TEMPATAN)	2	2
SARAWAK (TEMPATAN)	24	3
LAIN-LAIN	32	4
JUMLAH	194	19

SIDANG REDAKSI

Penaung

Y.Bhg. Prof. Dato' Ts. Dr. Mohd Ismail Bin Abd Aziz
KETUA PENGARAH JPPKK

Penasihat

Y.Brs. Ts. Dr. Mohammad Naim bin Yaakub
TIMBALAN KETUA PENGARAH (PERANCANGAN)

Pengerusi

YBrs. Dr. Shamsuri bin Abdullah (BKTVET)

Ketua Sidang Pengarang

YBrs. Dr. Wan Nor Aishah binti Wan Omar (BKTVET)
Puan Jamila binti Saad (BKTVET)

Grafik

Cik Nur Hafazah binti Sharin (BKTVET)

Sidang Pengarang

Encik Ismail bin Yusof (BK)
Puan Maliah binti Rohaizat (BAPP)
Puan Roazliza binti Baharin (BPN)
Puan Hanida binti Abdullah (BKIK)
Puan Elmiza binti Roslan (PPI)
Cik Siti Assila binti Murtijan (BPPI)
Puan Hazwani binti Hamdzah (BKP)
Puan Merhayati binti Sipon (BKPK)
Puan Liasuhaida binti Bardan (BGK)
Puan Suriawati binti Mohd Fadzil (UKK)

**Penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan
penerbitan Laporan Tahunan 2018 JPPKK**

JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4-7, Galeria PjH, Jalan P4W
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 Wilayah Persekutuan Putrajaya
MALAYSIA

Terbitan 2018

T: 0388919000

F: 0388919300

W: <http://mypoliteknik.edu.my>
<http://www.jpkk.edu.my/v2/>

E: webjppoli@moe.gov.my
jpkk.korporat@moe.gov.my



www.facebook.com/politeknik.edu
www.facebook.com/kolejkomunitihq